

**Naib Canselor
Berazam Bersama-sama
Perkukuh Jenama
IPPT Dan
Pusat Perubatan USM
Bertam**

2023

VOL.4, ISSUE 1

Expert Column

Achievement

Collaboration

MedTalks

Products & Services

Community

Publication

**AMDI PID Group Joins the
APSID IEI School 2023 in Hong Kong**

**IPPT Lancar Pendidikan
Berterusan Dalam Bidang Sains BioPerubatan**

AMDI MAGAZINE

TABLE

of Contents

01 ACHIEVEMENT

- OPS ARKIB : Hampir 200 Fail Berjaya
Diguna Semula
- AMDI PID Group Joins the APSID IEI School 2023 in Hong Kong
- CID Winter School: Advances in Primary Immunodeficiency: A Journey of Experience and Knowledge Sharing in Newcastle University
- CDL Anjurkan Townhall Pendaftaran Pengamal Profesional Kesihatan Bersekutu Khas Bagi Juruteknologi Makmal Perubatan PPUSMB, Kampus Induk dan Transkrian USM Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok Pameran Kelestarian APEX USM di Mesyuarat Saintifik Tahunan Kali Ke-52 Persatuan Ortopaedik Malaysia (MOA)
- Temasya Olahraga Tahunan USM Ke-46: AMDI TOW Team Juara Tarik Tali, Dr Muhammad Azrul Zabidi Raih Dua Pingat Makmal Diagnostik Klinikal (CDL) Anjurkan Hari Terbuka CDL di Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB)
- Sekalung Tahniah! Perpustakaan IPPT Meraih Pingat Emas di International Competition of Innovation, Technology & Digital Exhibition (I-CITED) 2023
- ROTG: Pendekatan Perpustakaan IPPT untuk Program Literasi Maklumat Kempen Pemulangan Ubat : Penjimatan Dari Januari Sehingga Mei 2023 Menyamai Sepanjang Tahun 2022
- IPPT anjurkan taklimat The Continuos Education In Biomedical Sciences At IPPT (CEBIOMEDS@IPPT)
- Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia, BERTAM (PPUSMB) lakukan sejarah pembebasan pertama Vaskular
- Hadiyah Pingat Emas Dan Perak Bagi Kategori 2: Inovasi Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Milik IPPT Dalam Pertandingan INTELEC2023
- Tidak Sangka Boleh Berjalan Semula Selepas Stroke
- TIPPT Lancar Pendidikan Berterusan Dalam Bidang Sains BioPerubatan Selepas Stroke

14 COLLABORATION

- CRL Anjurkan Seminar Analytical Topic Bersama CHEMOPHARM SDN BHD
- IPPT Terima Kunjungan Lawatan Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP)
- 'A Scientific Seminar On Translational Research' Bersama Profesor Dr. Li Gang Dari "The Chinese University Of Hong Kong"
- Empowering Women's Health: UNITA Nurses Collaborate with LPPKN for Successful Women's Well-Being Seminar
- Seminar Stemcell Technologies dan Next Gene Scientific Anjuran Program Breast Cancer Translational Research, IPPT
- IPPT USM Tandatangan Persefahaman Dengan Universiti Jepun, Thailand Dan Industri Perkuuh Kolaborasi Kumpulan Perawatan Luka dan Enterostoma (WEST), Pusat Perubatan USM di Webinar Antarabangsa Operasi Penguatkuasaan Pematuhan Kepada Peraturan Usechh 2000 Dan Pendedahan Bising 2019 Oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Dosh) Pulau Pinang Di IPPT
- IPPT Menerima Lawatan Dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Dan Sekretariat Majlis Pergigian Malaysia (IPPT) Sekali Lagi Menerima Kehadiran Pelajar Latihan Industri Dari Medan, Indonesia
- Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) Siri 1 di IPPT Anjuran Unit OSHE IPPT
- Pemantapan Audit Dalaman

TABLE of Contents

26 COMMUNITY

Program Komuniti Jabatan Toksikologi
IPPT Bersama Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Mutiara, Pulau Pinang
Unit Perubatan Integratif di Seminar Perubatan Tradisional dan Komplementari
IPPT Bersama Komuniti Menerusi Program Translasi Ilmu dan Kesedaran Stem melalui EID STEM Outreach(C)
Program Celik Ilmu Dekati Penduduk Kampung Orang Asli Lubok Legong Health on Wheels: PPUSMB Nurses Empower Communities Through Awareness at Jom Masuk U (Zon Utara) 2023 NC USM Santuni Pesakit di Wad PPUSMB
NC USM Sampaikan Sumbangan Ramadhan kepada Staf dan Pelajar IPPT
Naib Canselor Berazam Bersama-sama Perkukuh Jenama IPPT Dan Pusat Perubatan USM Bertam
Program PROSAS 2.0 Memupuk Gaya Hidup Sihat

35 EXPERT COLUMN

Minyak Kelapa Dara: Manfaat atau Mudarat?
Kenali kumpulan darah jenis jarang jumpa (rare blood)
The Surprisingly Positive Effects of Blood Donation
Are We Eating Microplastics?
Tahukah anda apakah Autisme Spectrum Disorder (ASD)?
Kanser kepala dan leher: kesedaran ke arah kualiti kehidupan yang lebih baik Safety Data Sheet (SDS) and why is it relevant to you?

46 SPECIAL FEATURES

Event & Activities
MedTalk and Intern Talk
Tahniah... Kenaikan Pangkat

OPS ARKIB : Hampir 200 Fail Berjaya Diguna Semula

Oleh: Mohamad Firdaus Bin Harun



Syahir, Naimah dan Firdaus melakukan pengasingan Fail

UNIT FARMASI ONKOLOGI, UNIT FARMASI PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, February 8 2023 -

Operasi Arkib atau ringkasnya Ops Arkib merupakan sebuah aktiviti kelestarian tahunan Unit Farmasi Onkologi, Pusat Perubatan USM Bertam. Aktiviti ini dimulakan oleh En Mohamad Firdaus bin Harun, Penolong Pegawai Farmasi ketika mula bertugas di unit ini sekitar tahun 2020 di mana beliau mendapati ruang penyimpanan fail pesakit kemoterapi telah sesak dan sukar untuk dicapai.



Fail Pesakit Kemoterapi yang berjaya dikumpulkan untuk diguna semula.

Atas permasalahan itu, beliau melancarkan Operasi Arkib yang pertama bersama Cik Nurhayati binti Zubir, Penolong Pegawai Farmasi dengan melakukan pengumpulan dan penyisihan kesemua fail pesakit kemoterapi dari tahun 2012 sehingga 2019. Hasilnya amat memberangsangkan apabila hampir 600 fail pesakit kemoterapi berjaya diasinkan dan boleh diguna semula untuk tahun-tahun berikutnya. Selain itu, segala data rawatan pesakit terdahulu berjaya disimpan dengan selamat dan diasinkan dari ruang penyimpanan fail pesakit semasa untuk capaian lebih mudah manakala kertas yang boleh diguna semula berjaya dikumpulkan hampir 4 rim.

ACHIEVEMENT



Semakan Fail Pesakit terdahulu dan semasa yang dilakukan oleh Syahir dan Naimah di Ruang

Pada tahun 2023, Ops Arkib ini diteruskan buat kali ketiga sekitar bulan Februari yang lalu. Staf yang terlibat dalam aktiviti ini adalah En Ahmad Syahir Ezzudin bin Ramli, Penolong Pegawai Farmasi dan Nurul Naimah binti Zunyazan, Penolong Pegawai Farmasi serta dikawalselia oleh En Mohamad Firdaus bin Harun. 200 fail pesakit dan hampir 2 rim kertas berjaya diasinkan dan diguna semula. Impak yang diharapkan dari aktiviti ini telah berjaya direalisasikan apabila unit ini tidak lagi perlu memesan fail baru untuk menyediakan fail pesakit semenjak operasi ini bermula.

Hasilnya amat memberangsangkan apabila hampir 600 fail pesakit kemoterapi berjaya diasinkan dan boleh diguna semula untuk tahun-tahun berikutnya



Data Pesakit dan Kertas Kerja Makmal yang berjaya diasinkan dan dikumpulkan mengikut tahun untuk disim-

AMDI PID Group Joins the APSID IEI School 2023 in Hong Kong

By: Anis Fatini Binti Shamsul Bahrain

ACHIEVEMENT

HONG KONG UNIVERSITY, April 22 2023 -

Primary Immunodeficiency Diseases (PID), also known as Inborn Errors of Immunity (IEI), is an umbrella term that represents genetic diseases due to defective immune system. Patients suffering from PID have increased susceptibility to a wide spectrum of infections, allergy, immune dysregulations and autoinflammation. These conditions can be fatal if not treated appropriately.

The Asian Pacific Society for Immunodeficiencies (APSID) IEI School was held at the Hong Kong University School of Clinical Medicine (HKU Med) from 22 until 23 April 2023. Members of the PID research group, Dr. Zarina Thasneem Zainudeen, and two MSc Immunology students, Ms. Anis Fatini Shamsul Bahrain and Ms. Noor Faralina Zainul Fadziruddin were selected as Malaysian representatives to join the conference. This is the first APSID conference held physically since the COVID-19 pandemic. The APSID conference aims to encourage participants to share their clinical expertise, update on latest IEI research, and train new generation of IEI clinician-scientists.

Dr. Zarina is a faculty member of APSID while both of her students, Ms. Anis Fatini and Ms. Noor Faralina are junior members of APSID. Participants were encouraged to submit their most difficult clinical cases and research updates as abstracts to promote discussions and learning experiences for junior members. Selected abstracts were chosen for poster or oral presentation. Furthermore, participants received full funding from APSID to cover hotel accommodation for three days and two nights as well as return trip flight tickets.

The APSID conference was spread out across two days consisting of a Clinical and Advanced Day. Workshops and lectures conducted on Clinical Day mostly revolved around the topics of atopy, autoinflammation, infections and immunological diagnostics which are all crucial in diagnostic strategies of PID patients. Meanwhile, the recurrent themes of discussion in the second day were on the latest research on PID management. This included novel gene discovery, newborn screening, gene therapy and hematopoietic stem cell therapy. During the conference, speakers also highlighted the importance of a PID registry to contribute to diagnostic and demographic research.

AMDI delegates presented posters that were assessed by prominent figures in the field such as Prof Yu Lung Lau, Prof Hans Ochs and Dr Fatima Santos-Ocampo. Dr. Zarina Thasneem presented two posters entitled 'Impact of Primary Immunodeficiency Diseases on the Life Experiences of Patients in Malaysia from the Caregiver's Perspective: A qualitative study' and 'Chronic Granulomatous Disease: A Retrospective Analysis of Clinical and Functional Aspects from Two Centres in Malaysia.'

Meanwhile, Ms. Noor Faralina presented a poster entitled 'Common Variable Immune Deficiency and Thymic Function in Down Syndrome Patients' while Ms. Anis Fatini presented one entitled 'Hyper IgE Syndrome, DOCK8 Immunodeficiency Syndrome and Various Clinical Phenotypes: A single-centre cohort study'. Prior to the two-day conference, APSID organised a welcome dinner at the monumental Helena May building. The dinner concluded with a beautiful piano recital by a 7 year old PID patient.

Overall, the APSID conference brought together PID clinicians and scientists from across Asia, South America and North America to share clinical expertise and research progress in a post-pandemic period which encapsulated inspiring work in advocating for patient care in regions with low PID awareness as well as diagnostic and research activities for PID.



During Clinical Day of the APSID IEI School

CID Winter School: Advances in Primary Immunodeficiency: A Journey of Experience and Knowledge Sharing in Newcastle University

ACHIEVEMENT

Oleh: Zarina Thasneem Binti Zainudeen

**THE HELIX, NEWCASTLE UNIVERSITY CAMPUS,
February 8 2023 -**

A Winter School Workshop run by the UCL Centre for Immunodeficiency and Newcastle University, was held from 8 until 10th February 2023. About 45 delegates from various countries, mostly consultant and trainee clinicians in Paediatric and Adult Immunology and Biomedical Scientists working in Immunology, were chosen for this workshop. It was a privilege for me to participate as the only delegate from Malaysia, with bursary support that covers accommodation and course fee.

As I bid farewell to Newcastle and the Winter School and armed with new-found inspiration, I returned to USM with eagerness to apply what I have learned and to continue the cycle of knowledge sharing, among peers and students.



Group photo with delegates and faculty members on the last day of the workshop.



Case presentation and discussion with faculty members

The aim of the workshop was to share local, national, and international experience and knowledge of managing patients with primary immunodeficiency (PID) and the scientific advances in the basic mechanisms and management of PID.

Embracing the Winter Chill, Igniting Warmth in Knowledge

The crisp winter air in Newcastle set the stage for an invigorating and intellectually stimulating Winter School. It was an intense three-day course, filled with lectures, case presentations, oral presentations, and informal discussion with esteemed faculty members like Prof Sophie Hambleton, Prof Andy Gennery, Dr Mirjam van der Burg, Prof Siobhan Burns and few others. As participants, we gathered from all corners of the globe, and delved into a diverse range of disciplines, from B cell development to gene and targeted drug therapies.

Lectures That Sparked Curiosity

From the intricacies of the role of HSCT in management of humoral immunodeficiency and CVID to gene therapy for myeloid disorders, each lecture was a learning opportunity to new realms of understanding. The interactive sessions during panel discussions and poster sessions, fostered an atmosphere of engagement, allowing us to delve deeper into the subjects that resonated with us.

Cultural Immersion and Networking

Newcastle's rich history and vibrant culture provided ample opportunities for cultural immersion and networking. Our evenings were filled with exploration, as we wandered through cobblestone streets, dinners at local restaurants, and engaged in insightful conversations over teas and coffee, with fellow participants and faculty members. These moments of connection extended beyond the Winter School, forming the foundation for professional collaborations.

Knowledge Sharing: Beyond Borders and Disciplines

One of the most interesting aspects of the Winter School was the seamless flow of knowledge across borders and disciplines. Case presentations and networking lunch between the sessions, enriched our learning experience and challenged us to think beyond our comfort zones.

ACHIEVEMENT

CDL Anjurkan Townhall Pendaftaran Pengamal Profesional Kesihatan Bersekutu Khas Bagi Juruteknologi Makmal Perubatan PPUSMB, Kampus Induk dan Transkrian

Oleh : Nazlina Binti Mohamad Isa

TOWNHALL

**MATA CPD
DISEDIAKAN
KOMPETENSI FUNGSIAN**

**PENGAMAL PROFESION KESIHATAN
BERSEKUTU KHAS BAGI
JURUTEKNOLOGI MAKMAL
PERUBATAN (JTMP)**

OBJEKTIF

- MEMBERI PENDEDAHAN AKTA 774.
- PENGENALAN DAN PENDAFTARAN PENGAMAL PROFESION KESIHATAN BERSEKUTU BAGI MLT & MLS.
- PERBINCANGAN TENTANG PERANCANGAN PERKEMBANGAN PROFESION JTMP PASCA IMPLEMENTASI AKTA 774.

**JUMAAT
23 JUN 2023**

SESI 1 09:00AM - 12:00PM
BILIK MESYUARAT UTAMA PPUSMB (LEVEL 3)
*BERSEMUKA
SESI KHAS BERSAMA JTMP KANAN SAHAJA.

SESI 2 02:45PM - 05:00PM
BILIK MESYUARAT CDL, PPUSMB (LEVEL 2)
*HIBRID : BERSEMUKA & WEBEX
TERBUKA KEPADA SEMUA JTMP.

SPEAKER
NIK FAKURUDIN
NIK ALI
JTMP U38
PPSK

MODERATOR
PUAN NAZLINA
MOHAMAD ISA
JTMP U36
PPUSMB

USM **APEX** **iPPT**

Poster hebahan program townhall

PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, Jun 23 2023 -

PADA 23 Jun 2023, Makmal Diagnostik Klinikal (CDL) telah menghimpunkan juruteknologi makmal perubatan daripada tiga kampus iaitu PPUSMB/ IPPT, Induk dan Transkrian untuk program Townhall Pendaftaran Pengamal Profesional Kesihatan Bersekutu Khas Bagi Juruteknologi Makmal Perubatan (JTMP). Penceramah jemputan ialah Encik Nik Fakurudin bin Nik Ali, JTMP U38 dari Pusat Pengajian Sains Kesihatan,Kampus Kesihatan yang juga merupakan ahli kesihatan bersekutu.

Objektif program ini ialah untuk memberi pendedahan tentang Akta 774 iaitu pengenalan dan pendaftaran pengamal profesion kesihatan bersekutu bagi JTMP dan ahli sains makmal perubatan. Selain itu, program ini juga bertujuan untuk ??membincangkan tentang perancangan perkembangan profesion JTMP pasca implementasi Akta 774 meliputi perkembangan kerjaya, perancangan latihan fungsian JTMP USM dan cadangan kepada anggaran belanja mengurus pusat tanggungjawab yang berkaitan dengan profesion JTMP.

CDL menyasarkan agar empat puluh orang JTMP daripada ketiga-tiga kampus dapat lebih memahami tentang kepentingan Akta 774 dan kesinambungan selepas perlaksanaan akta selain mendaftar dengan betul dan mengikut masa yang ditetapkan.

Alhamdulillah, CDL mendapat maklumbalas positif daripada para peserta yang rata-rata berpuas hati dengan program yang dijalankan dan berharap program seperti ini selalu dibuat untuk pertambahan ilmu dan perkongsian maklumat. Positifnya, CDL sentiasa menyokong aktiviti dan perkembangan profesion JTMP yang juga menjadi nadi dan tulang belakang kemajuan CDL.

Dengan berakhirnya program ini, ia menjadi permulaan baru untuk semua JTMP di semua kampus untuk menjadi lebih bersatu sebagai satu pasukan yang berdaya maju demi USM yang tercinta.

CDL mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua ahli jawatankuasa program ini yang terdiri daripada JTMP CDL dan juga kepada para peserta yang menjayakan program ini. JTMP CDL juga menyediakan makan tengahari dan sedikit cenderahati bersama sijil penghargaan kepada penceramah yang disampaikan oleh Pengarah CDL iaitu Dr.Hafizuddin Mohamed Fauzi.

Kejayaan penganjuran program ini pasti menjadi pemangkin untuk kejayaan masa hadapan,insya-Allah.

CDL menyasarkan agar empat puluh orang JTMP daripada ketiga-tiga kampus dapat lebih memahami tentang kepentingan Akta 774 dan kesinambungan selepas perlaksanaan akta selain mendaftar dengan betul dan mengikut masa yang ditetapkan.

ACHIEVEMENT

USM Mentransformasikan Pendidikan Tinggi untuk Kelestarian Hari Esok Pameran Kelestarian APEX USM di Mesyuarat Saintifik Tahunan Kali Ke-52 Persatuan Ortopaedik Malaysia (MOA)

Oleh: Nur Anis Syamimi Mohammad Azmi dan Yusmadi Norashid



Antara wakil IPPT yang memperkenalkan pencapaian dan sumbangan kelestarian USM kepada masyarakat.

PENANG, Jun 15 2023 -

Setiap tahun Mesyuarat Saintifik Tahunan Persatuan Ortopaedik Malaysia (MOA) adalah perjumpaan yang melibatkan pakar ortopedik di Malaysia dan juga wakil industri terkemuka dalam bidang ortopedik dari seluruh dunia. Peserta adalah terdiri daripada pegawai dan pakar perubatan, para ahli akademik dan pelajar yang tidak kurang dari 2,000 orang. Pada tahun ini tema MOA yang akan dipersembahkan kepada umum adalah sustainability and society.

Pada kali ini MOA telah menawarkan USM untuk menyertai pameran kesedaran dan aktiviti kelestarian memandangkan Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mengekalkan kedudukan di tempat Keempat Terbaik di dunia dan yang pertama di Asia oleh The Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2023.

Pada kali ini MOA telah menawarkan USM untuk menyertai pameran kesedaran dan aktiviti kelestarian memandangkan Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya mengekalkan kedudukan di tempat Keempat Terbaik di dunia dan yang pertama di Asia oleh The Times Higher Education (THE) Impact Rankings 2023. USM juga unggul pada kedudukan pertama dalam Sustainable Development Goals (SDG16) iaitu Keamanan Keadilan dan Institusi Kukuh

Inisiatif ini adalah sangat disambut baik oleh USM untuk promosi dan sekaligus meningkatkan pengetahuan masyarakat umum tentang kelestarian

Kampus Sejahtera USM, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia dan Jabatan Surgeri Ortopedik USM akan beraksiruangan untuk memperkenalkan pencapaian dan memperlihatkan sumbangan kelestarian USM kepada masyarakat dalam pameran ini.

Inisiatif ini adalah sangat disambut baik oleh USM untuk promosi dan sekaligus meningkatkan pengetahuan masyarakat umum tentang kelestarian, menerapkan kelestarian dalam pengajaran dan penyelidikan USM melalui pameran dan pelbagai bentuk informasi yang menarik serta membuka peluang melanjutkan pengajian tinggi dalam pelbagai program perubatan, pergigian dan sains kesihatan di USM di lot pameran B34 Universiti Sains Malaysia Kampus Sejahtera.

Dengan adanya penganjuran di atas adalah diharapkan dapat menyerlahkan dedikasi USM untuk mencipta masa depan yang lestari, memacu perubahan positif dan memberi inspirasi kepada generasi pemimpin masa hadapan.

ACHIEVEMENT

Temasya Olahraga Tahunan USM Ke-46: AMDI TOW Team Juara Tarik Tali, Dr Muhammad Azrul Zabidi Raih Dua Pingat

Oleh: Mohamad Firdaus Bin Harun

STADIUM OLAHRAGA USM, Jun 10 2023 -

Temasya Olahraga Tahunan USM Ke-46 yang berlangsung di Stadium Olahraga USM pada 9 hingga 11 Jun 2023 telah menyaksikan atlit dari Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) telah menyumbang beberapa pingat kepada Kontingen Staf USM di dalam tiga acara yang disertai.



AMDI TOW Team dan Dr Azrul bersama pingat yang dimenangi.

Pasukan Tarik Tali IPPT atau AMDI TOW Team merupakan satu-satunya pasukan mewakili Staf USM telah berjaya meraih Johan bagi acara Tarik Tali setelah menewaskan pasukan Aman Damai 2-0 dalam aksi Akhir acara tersebut. Sebelum itu, AMDI TOW Team atau terkenal dengan jolokan 'AMDI Panthers' telah menewaskan Cahaya Gemilang/Harapan (CGH) di peringkat Separuh Akhir dan mengalahkan Indah Kembara di peringkat Suku Akhir.



AMDI TOW Team beraksi.

Pada edisi penganjuran TOT USM Kali Ke-46 ini, AMDI TOW Team telah diberisi oleh Mohamad Firdaus bin Harun (Unit Farmasi PPUSMB), Noor Taufik Jamaluddin (Seksyen Keselamatan IPPT), Shamsuri Idris (Seksyen Keselamatan IPPT), Ashahri Idrus (Unit Kejururawatan PPUSMB), Mohd Ghani Mohamad (Unit Kejururawatan PPUSMB), Mohd Shukur Abidin (Seksyen Pengurusan IPPT), Mohd Abdillah Zamil Md Saad (Seksyen IT@AMDI), Ahmad Faisal Mohamad Yosop (BHEPA USM), Ahmad Rizwan Zulkharnain (Seksyen Pengurusan IPPT) dan dua atlit baru, Ahmad Syahir Ezzuddin Ramli (Unit Farmasi PPUSMB) dan Muhamad Azmin Othman (Unit Kejururawatan PPUSMB).



Dr. Muhammad Azrul dengan dua pingat yang diperolehi dari acara Melontar Peluru (Perak) dan Merejam Lembing (Gangsa).

Walaupun tanpa persiapan yang rapi dalam penyertaan kali ini, Dr. Muhammad Azrul Zabidi dari Jabatan Sains Pergigian IPPT telah berjaya menyumbang dua pingat kepada Kontingen Staf USM iaitu Pingat Perak dalam acara Melontar Peluru dan Pingat Gangsa dalam acara Merejam Lembing yang diadakan pada petang Sabtu.

Dr. Azrul merupakan atlit yang tidak asing dalam acara ini terutamanya acara Melontar Peluru di mana beliau pernah meraih Pingat Gangsa dalam Sukan Antara Universiti Malaysia (SUKUM).

Tahniah dan syabas kepada atlit IPPT dan PPUSMB!

Makmal Diagnostik Klinikal (CDL) Anjurkan Hari Terbuka CDL di Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB)

Oleh: Nazlina Binti Mohamad Isa

MAKMAL DIAGNOSTIK KLINIKAL, Jun 9 2023 -

Satu webinar antarabangsa bertajuk "Perawatan Luka Akut" MAKMAL DIAGNOSTIK KLINIKAL (CDL) telah menganjurkan satu program khas untuk para staf di PPUSMB iaitu Hari Terbuka CDL pada 9 Jun 2023 yang lalu. Mereka telah dijemput untuk melawat dan meninjau proses-proses kerja yang dijalankan di tujuh unit di CDL iaitu di Unit Mikrobiologi, Unit Histopatologi & Sitologi, Unit Genetik, Unit Integrasi (Hematologi dan Patologi Kimia), Unit Transfusi Darah dan Unit Imunologi. Ketika sesi lawatan, para pelawat telah berpeluang untuk mendengar penerangan dan bertanya tentang ujian-ujian yang dijalankan di setiap unit.

Objektif utama program ini ialah mem-
berikan pendedahan kepada pihak
pengurusan dan para pelanggan
(klinik-klinik dan wad) mengenai skop
kerja di setiap unit, ujian-ujian yang
ditawarkan serta peralatan makmal
yang berteknologi tinggi. Selain itu, ia
juga bertujuan untuk penambah-
baikan proses pre-analitikal, terutamanya untuk mengurangkan kadar
penolakan sampel yang diterima.

Seramai hampir seratus pelawat telah hadir dan memeriahkan program ini. Turut hadir ialah Pengarah PPUSMB, YM Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin dan Timbalan Pengarah Klinikal, Kelestarian & Piawaian, Dr. Noor Khairiah binti A.Karim.

Program diakhiri dengan jamuan ringan. Sudut photobooth turut disediakan bagi para tetamu yang berminat untuk bergambar.

CDL bersyukur kerana berjaya mengadakan program ini dan berharap agar kerjasama bersama unit-unit lain di PPUSMB semakin hebat dan CDL dapat memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan efektif selepas ini. CDL juga berlitzam untuk melebarkan perkhidmatan klinikal di institusi luar dan membantu perkembangan PPUSMB di mata dunia. Terima kasih kepada semua yang menjayakan program ini.

ACHIEVEMENT



Poster hebahan program Hari Terbuka CDL

Sekalung Tahniah! Perpustakaan IPPT Meraih Pingat Emas di International Competition of Innovation, Technology & Digital Exhibition (I-CITED) 2023

Oleh: Hasniza Binti Amno



Sijil Penghargaan

IPPT, BERTAM, Jun 7 2023 -

Tahniah diucapkan kepada Perpustakaan IPPT, USM yang berjaya memenangi pingat emas dalam International Competition of Innovation, Technology & Digital Exhibition (I-CITED) 2023 anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya yang melabuhkan tirai 26 Mei 2023 yang lalu.

Dalam pertandingan ini, Perpustakaan IPPT telah menghantar penyertaan bagi projek inovasi yang bertajuk "3D Library Resources: A Powerful Tool in Enhancing Educational Resources and Student Accessibility".

Syabas diucapkan! Semoga pengiktirafan ini dapat menjadi inspirasi untuk pencapaian yang lebih baik di masa akan datang.

Berjaya memenangi pingat emas dalam International Competition of Innovation, Technology & Digital Exhibition (I-CITED) 2023 anjuran Fakulti Pendidikan, Universiti Malaya

ACHIEVEMENT

ROTG: Pendekatan Perpustakaan IPPT untuk Program Literasi Maklumat

Oleh: Hasniza Binti Amno

ARC, IPPT, Mei 30 2023 -

Perpustakaan IPPT terus komited menyokong program akademik dan penyelidikan di IPPT. Program anjuran bersama Perpustakaan IPPT dan Persatuan Pelajar IPPT (ASA) dengan jayanya telah menganjurkan program 'Research on The Go (ROTG) with USM Library'. Program konsultasi "Research On The Go (RoTG)" ini telah diadakan pada 30 May 2023, di Bilik Seminar, Kompleks Penyelidikan Haiwan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT), USM bermula jam 9.30 pagi hingga 12.30 tengahari.

Objektif utama program ini adalah untuk mendekatkan Pustakawan dengan pelajar dan pensyarah IPPT bagi memberikan konsultasi secara "One-on-One". Para pelajar dan penyelidik berpeluang mendapatkan konsultasi secara terus dengan fasilitator yang dilantik melalui program ini yang terdiri dari kalangan Pustakawan USM untuk mendapat pelbagai maklumat berkaitan penulisan seperti garis panduan penulisan tesis dan jurnal. Pelajar dan staf telah dipersembahkan dengan 9 kemahiran utama; dari strategi penerbitan, sistem rujukan Mendeley, penerbitan akses terbuka, pengurusan data, carian literatur, profil penyelidik, google scholar, hingga penulisan tesis.

Partisipasi melebihi jangkaan, fasilitator telah menghiburkan 54 peserta yang bergilir-gilir untuk mendapatkan jawapan kepada soalan mereka dan menyelesaikan isu-isu di semua 9 stesen.

"ROTG adalah pendekatan perpustakaan USM dalam memberi perkhidmatan konsultasi pelbagai modul literasi maklumat dan sokongan akademik secara terus kepada pelajar ijazah pertama, ijazah tinggi, penyelidik serta pensyarah yang dilaksanakan di lokasi-lokasi strategik sekitar USM dan ia kesinambungan daripada program yang telah dimulakan di Perpustakaan Hamzah Sendut, Kampus Induk dan Perpustakaan Kampus Kejuruteraan"...

Semoga ia menjadi satu pendekatan strategik secara umumnya dalam memberi perkhidmatan sokongan akademik dan penyelidikan kepada warga USM.



Antara gambar yang telah diambil sepanjang

Kempen Pemulangan Ubat : Penjimatan Dari Januari Sehingga Mei 2023 Menyamaai Sepanjang Tahun 2022

Oleh: Mohamad Firdaus Bin Harun

UNIT FARMASI PESAKIT LUAR, UNIT FARMASI, PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, Mei 30 2023 -

Peningkatan ketara penjimatan dalam Kempen Pemulangan Ubat-Ubatan di Unit Farmasi, Pusat Perubatan USM Bertam telah direkodkan dengan jumlah RM15,998.98 secara kumulatif bermula dari bulan Januari sehingga Mei 2023. Rekod ini telah menyamai rekod sepanjang tahun 2022 di mana pada tahun tersebut, jumlah penjimatan yang berjaya dicapai adalah sebanyak RM15,448.75.

Kempen Pemulangan Ubat-Ubatan merupakan salah satu aktiviti kelestarian Unit Farmasi, Pusat Perubatan USM Bertam yang diketuai oleh Cik Nur Jayizah Mohd Ismail, Pegawai Farmasi dan dibantu oleh ahli-ahli Jawatankuasa yang terdiri daripada Penolong Pegawai Farmasi iaitu Puan Halita Md Diah, Puan Hanifati Haron, Puan Nadia Nor Aiman Mohd Noor, turut dibantu oleh sukarelawan antaranya, Puan Nurul Naimah Zunyazan dan Puan Nurhidayati Syeema Soid sukarelawan.



Ruangan Khas Penerimaan Ubat-Ubatan Untuk Dipulangkan Ke Unit Farmasi PPUSMB



ACHIEVEMENT

IPPT anjurkan taklimat The Continuos Education In Biomedical Sciences At IPPT (CEBIOBEDS@IPPT)

Oleh: Naziroh Shafii & Badrul Hisyam Yahaya



Program Continuous Education in Biomedical Sciences at IPPT (CEBioMeds@IPPT)

IPPT, Mei 24 2023 -

INSTITUT PERUBATAN DAN PERGIGIAN TERMAJU, BERTAM, 25 Mei 2023: Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) hari ini menganjurkan satu taklimat khusus kepada pelajar-pelajar IPPT berkenaan program Continuous Education in Biomedical Sciences at IPPT (CEBioMeds@IPPT) bertempat di Bilik Seminar ARC.

Taklimat disampaikan oleh Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya untuk memberi penerangan kepada pelajar berkenaan platform CEBioMeds yang mana merupakan satu inisiatif pengembangan ilmu oleh IPPT untuk meningkatkan kebolehpasaran pelajar.

Melalui taklimat ini, pelajar memperolehi informasi dan maklumat lanjut berkenaan pembangunan platform CEBioMeds yang merupakan modul berstruktur untuk Kursus Pembangunan Profesional dalam bidang Sains Bioperubatan.

Menurut Badrul Hisyam, modul yang disediakan dalam CEBioMeds@IPPT ini merangkumi pelbagai kursus antara disiplin yang diatur dalam beberapa pakej modul yang dijalankan secara atas talian untuk keselesaan pelajar.

CEBioMeds yang dibangunkan sepenuhnya oleh pasukan IPPT melibatkan pembangunan platform atas talian serta modul-modul pembelajaran yang merangkumi topik-topik sains terkini merentasi sempadan pembelajaran secara konvensional.

ACHIEVEMENT



Program Continuous Education in Biomedical Sciences at IPPT (CEBioMeds@IPPT)

lanya direka khas untuk memenuhi keperluan pelajar penyelidikan pasca siswazah di IPPT dan USM, yang membenarkan mereka mendaftar pada bila-bila masa dan dari mana jua mereka berada.

Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan program latihan yang berstruktur yang dapat menghasilkan graduan penyelidikan yang berkemahiran tinggi dan sesuai dengan pasaran kerja. Untuk maklumat lanjut berkenaan CEBioMeds, sila layari pautan <https://cebiomeds.amdi.usm.my/>

Pasukan pembangunan terdiri daripada Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya selaku Ketua Pasukan, Prof. Madya Dr. Bakiah Shaharuddin, Dr. Nurhuda Mohamad Ansor, Pn. Nurul Huda Abdul Jais dan Cik Salmiza Zakaria.

Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia, BERTAM (PPUSMB) lakukan sejarah pembedahan pertama Vaskular

Oleh: Dr. Fitreena Anis Amran & Nazeroh Shafii



Pembedahan Vaskular

PPUSMB, BERTAM, Mei 16 2023

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, PULAU PINANG: 12 Mei 2023 – Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) hari ini melakar sejarah apabila berjaya melakukan pembedahan vaskular yang pertama di sini.

Pasukan pembedahan yang diketuai oleh Dr. Rosnelifaizur Ramely - Pakar Bedah Vaskular kunjungan dari HUSM dibantu oleh Dr. Fitreena Anis Amran - Pakar Bedah Am PPUSMB, Dr. Firdaus Luthfi - Pakar Bedah Hospital Seberang Jaya (pakar yang merujuk pesakit) dan Dr. Zainab Abdul Ghaffar - Pakar Bius PPUSMB melakukan pembedahan ke atas pesakit yang mengalami masalah 'Left brachiocephalic fistula aneurysm'.

Sejak penjenamaan semula PPUSMB pada bulan September 2022, pusat perubatan ini telah menjalankan pembedahan fistula untuk pesakit kegagalan buah pinggang di bawah pakej eksekutifnya.

Pembedahan fistula ini adalah satu prosedur dimana salur darah vena pesakit disambung ke salur darah arteri pesakit untuk tujuan dialisis.

Sejak itu, PPUSMB telah melebar luaskan perkhidmatannya dengan menyediakan perkhidmatan pakar bedah vaskular secara kunjungan dari Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) iaitu Dr. Rosnelifaizur Ramely pada setiap bulan.

Kes-kes pembedahan vaskular dan fistula yang rumit diteliti oleh beliau dan pembedahan dilakukan samada di PPUSMB ataupun di HUSM mengikut kesesuaian kes.

Bagi kes pembedahan vaskular yang pertama kali dilakukan di PPUSMB, pembedahan yang dilakukan ke atas pesakit ini adalah 'Left BCF Aneurysectomy and End to End anastomosis'.

Tujuan pembedahan ini adalah untuk mengecilkan kembali saiz aneurysm salur vena pesakit yang telah kembang sebesar 12cm dan mengelakkan aneurysm pesakit pecah.

Kes membaik pulih saluran darah ini merupakan kes pertama yang dilakukan di PPUSMB dan pesakit juga merupakan pesakit pertama yang menjalani rawatan hemodialysis di PPUSMB di bawah seliaan Dr Siti Khairizan.

Pembedahan telah berjaya dilakukan dalam jangkamasa 4 jam. Seusai sudah pembedahan, pesakit di pantau di Unit Rawatan Rapi PPUSMB bagi memberikan rawatan terbaik buat pesakit dan memantau sebarang komplikasi dari pembedahan.

Pesakit dibenarkan balik pada hari keempat selepas pembedahan.

Hadiah Pingat Emas Dan Perak Bagi Kategori 2: Inovasi Bahan Pengajaran Dan Pembelajaran Milik IPPT Dalam Pertandingan INTELEC2023

ACHIEVEMENT

Oleh: Naziroh Shafii, Norehan Mokhtar, Badrul Hisyam Yahaya

IPPT, Mei 17 2023

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, PULAU PINANG, 17 Mei 2023: Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) pulang dengan Pingat Emas dan Perak bagi Kategori 2: Inovasi Bahan Pengajaran dan Pembelajaran dalam pertandingan Innovations In Teaching And Learning Competition 2023 (INTELEC2023).

Pertandingan yang dianjurkan oleh Pusat Pembangunan Kecemerlangan Akademik (CDAE) bertemakan Teach And Learn With Passion, Innovate With Purpose, Inspire For A Lifetime! melibatkan 140 peserta daripada 72 penyertaan.

Pertandingan ini bertujuan untuk melahirkan idea dan inovasi baharu dalam konteks pengajaran dan pembelajaran (PdP) dalam perkembangan dunia pendidikan yang kompetitif. Pertandingan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu Kategori 1: Kaedah Pengajaran dan Pembelajaran dan Kategori 2: Inovasi Bahan Pengajaran dan Pembelajaran.

Hadir menerima Hadiah Pingat Emas adalah Prof. Madya Dr. Norehan Mokhtar selaku Ketua Pasukan bersama ahli kumpulannya iaitu Dr. Gururajaprasad KL Rao, Dr. Fakhith Ridzuan, Syaidatul Salmah Nurbalqis Saiful dan Muhammad Idham Abd Hamid. Tajuk yang dipertandingkan adalah MAR-ORTHO-EDU: Markerless Haptic Enabled Mobile Augmented Reality System for Orthodontic Education mengetengahkan idea penggunaan aplikasi mudah alih untuk pembelajaran ortodontik. Sistem ini membolehkan pelajar ortodontik mengakses aplikasi pada telefon mudah alih mereka, yang menyediakan pengalaman pembelajaran yang interaktif dan menyeronokkan.

MAR-ORTHO-EDU juga memanfaatkan disonansi kognitif, iaitu perasaan ketidakselarasan antara pengetahuan yang ada dan pengalaman yang sedang berlangsung. Dengan menggunakan teknologi Augmented Reality (AR), sistem ini membantu pelajar ortodontik memahami dan menghubungkan konsep-konsep kompleks dengan lebih baik.



Menerima hadiah pingat emas

Objektif utama MAR-ORTHO-EDU adalah meningkatkan pengalaman pembelajaran pelajar dan mencapai kecekapan klinikal yang lebih tinggi.

Dengan menggunakan sistem ini, pelajar dapat berlatih dalam persekitaran yang personal dan mudah diakses pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat. Ini membolehkan mereka mempelajari ortodontik dengan lebih efektif dan memperoleh kemahiran klinikal yang diperlukan dalam bidang pergigian.

Manakala bagi Hadiah Pingat Perak pula dimenangi oleh pasukan yang diketuai oleh Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya bersama ahli pasukan iaitu Prof. Madya Dr. Bakiah Shaharuddin, Dr Nurhuda Mohamad Ansor, Pn Nurul Huda Abdul Jais dan Pn Salmiza Zakaria dengan tajuk The Continuous Education in Biomedical Sciences at IPPT (CEBioMeds@IPPT): An Innovative Teaching and Learning Platform To Promote a Lifelong Education mengetengahkan idea pembangunan CEBioMeds@IPPT yang merupakan modul yang berstruktur untuk Kursus Pembangunan Profesional dalam bidang Sains Bioperubatan.

Modul ini merangkumi pelbagai kursus antara disiplin yang diatur dalam beberapa pakej modul secara atas talian. CEBioMeds dibangunkan sepenuhnya oleh pasukan IPPT yang melibatkan pembangunan platform atas talian serta modul-modul pembelajaran yang merangkumi topik-topik sains terkini merentasi sempadan pembelajaran secara konvensional.

Ia direka khas untuk memenuhi keperluan pelajar penyelidikan pasca siswazah di IPPT dan USM, yang memberankan mereka mendaftar pada bila-bila masa dan dari mana-mana tempat pelajar berada. Objektif utama program ini adalah untuk menyediakan program latihan yang terstruktur yang dapat menghasilkan graduan penyelidikan yang berkemahiran tinggi dan sesuai dengan pasaran kerja. Maklumat lanjut berkaitan dengan CEBioMeds adalah di platform <https://cebiomeds.amdi.usm.my/>

ACHIEVEMENT

Tidak Sangka Boleh Berjalan Semula

Oleh: PM Dr. Bakiah Shaharuddin



En Au Boon Hong sebelum menjalani program NCC menggunakan kerusi roda untuk bergerak

PPUSMB, Mac 7 2023 -

Encik Au Boon Chong berusia 55 tahun, pernah bekerja sebagai juruteknik kren, mengalami serangan angin ahmar atau 'stroke' di sebelah kiri badannya pada 10hb April 2022.

Akibat serangan stroke tersebut, beliau tidak boleh berjalan dan menyukarkan beliau untuk melakukan aktiviti sehari-hari. Beliau terpaksa menggunakan kerusi roda untuk ke sana sini. Ini merencatkan kualiti kehidupan beliau. Encik Au Boon Chong telah dirujuk oleh Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) untuk menjalani program Rehabilitasi Neuro-robotics & Cybernics (NCC) di Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB), Kepala Batas, Pulau Pinang. Unit Rehabilitasi PPUSMB ini dilengkapi dengan Suit Robot HAL® (Hybrid Assistive Limb), peralatan teknologi neurorobotik terkini dari Cyberdyne Inc. Jepun. HAL® Robot Suit ialah robot jenis cyborg pertama di dunia yang dicipta oleh Prof. Dr. Yoshiyuki Sankai, Ketua Pegawai Eksekutif Cyberdyne Inc. untuk membantu orang yang lumpuh atau lemah anggota badan akibat kecederaan atau gangguan pada Sistem Saraf Pusat seperti Kecederaan Saraf Tunjang, Strok, Kecederaan Otak Traumatis, Multiple Sclerosis dan Penyakit Neurodegeneratif untuk mendapatkan semula keupayaan untuk berjalan. Suit robot menambah baik, menyokong dan meningkatkan mobiliti anggota badan pemakai melalui teknologi siber-nik yang menggabungkan interaksi antara manusia, mesin dan maklumat.

Selepas diperiksa oleh terapis di PPUSMB, didapati Encik Au tidak boleh berjalan kerana mengalami kelemahan otot di sebelah kanan badan dan memerlukan bantuan maksimum untuk berdikari. Beliau telah memulakan program rehabilitasi NCC pada 2/6/2022. Pesakit ini hanya mengambil masa 2 minggu untuk berjalan semula selepas mengikuti program ini dan dibenarkan keluar pada 15/7/2022.

Progres pemulihan beliau amat memberangsangkan di mana beliau telah mencapai kebolehan keseimbangan, koordinasi dan peningkatan pada kekuatan otot. Skor "Functional and Transferring" pada mulanya hanya 1/5 telah meningkat kepada skor penuh iaitu 5/5. Manakala "Berg Balance Scale" dari 13/56 telah meningkat kepada 51/56. Bagi ujian "Tug, Up and Go (TUG)" iaitu ujian yang menentukan risiko jatuh dan mengukur kemajuan imbangan, duduk untuk berdiri dan berjalan, pesakit ini telah mencapai skor 12 saat, berbanding sebelum ini pesakit ini tidak mampu langsung menjalani ujian ini.

Kejayaan yang membanggakan ini adalah hasil program NCC di PPUSMB yang menggunakan teknologi Suit Robot Cyberdyne HAL® yang direka untuk mengesan isyarat bio-elektrik yang lemah melalui elektrod atau sensor pada permukaan otot kaki dan menganalisis isyarat melalui sistem kawalan pada sut robot. Terapi di PPUSMB adalah terlatih dengan program dan modul yang diiktiraf oleh pakar Rehabilitasi Sukan di peringkat antara bangsa. Dedikasi terapis dan pesakit semasa menjalani program ini telah terbukti di mana pesakit ini telah boleh berjalan semula dan menguruskan dirinya tanpa sebarang bantuan. Dengan ini, tahap kualiti hidup pesakit telah meningkat dan tentunya ini memotivasiikan beliau untuk meneruskan kehidupan dengan lebih positif.

**Jika anda ada sebarang pertanyaan,
sila hubungi Neuro-robotics and
Cybernic Clinic**

No tel: +604-5622362

ACHIEVEMENT

TIPPT Lancar Pendidikan Berterusan Dalam Bidang Sains BioPerubatan Selepas Stroke

Oleh: Naziroh Shafii & Mahirah Mahyidin

SAINS@BERTAM, Februari 28 2023 -

Naib Canselor, Universiti Sains Malaysia, YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed hari ini melancarkan Continuous Education In Biomedical Sciences (CEBioMeds@IPPT) Programme di Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT).

Program pendidikan berterusan dalam bidang Sains Bioperubatan dibangunkan oleh kumpulan pensyarah dan staf IPPT yang diketuai oleh Profesor Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya yang dikenali sebagai Continuous Education in Biomedical Sciences (CEBioMeds@IPPT) Programme.

Menurut Badrul Hisham, CEBio-Meds@IPPT ialah modul berstruktur untuk Kursus Pembangunan Profesional dalam bidang Sains Bioperubatan yang menawarkan kursus transdisiplinari yang terdiri daripada beberapa pakej modul.

"CEBioMeds@IPPT direka bentuk untuk memenuhi keperluan pelajar penyelidikan siswazah di IPPT dan USM yang mana mereka boleh mendaftar pada bila-bila masa dan di mana-mana sahaja" jelasnya Penyelaras (CEBioMeds@IPPT itu).

Menurut Badrul Hisham lagi, tujuan pasukan ini membangunkan dan melaksanakan program latihan berstruktur bagi pelajar mod penyelidikan untuk menghasilkan graduan penyelidikan yang kompeten dalam ilmu pengetahuan yang bukan sahaja bersangkutan dengan bidang berkaitan penyelidikan mereka sahaja malah bidang lain juga sebagai nilai tambah yang diperlukan dalam mengukuhkan pengetahuan mereka terutamanya bagi keperluan kemahiran dalam bidang pekerjaan dan penyelidikan mereka.

"Malah hal juga bagi memenuhi permintaan peluang pasaran kerja dengan gaji sepadan dengan kelayakan pada tahap 'graduate employability' (GE) melebihi 90%.

"Program ini menawarkan kursus yang dapat membantu pelajar dalam memperkuuhkan pengetahuan dan kemahiran dalam bidang bioperubatan, Pergigian dan Kesihatan Klinikal," katanya lagi.

Melalui program ini, pelajar juga akan berpeluang untuk menemui ilmu baharu atau set kemahiran baharu, di luar bidang penyelidikan utama mereka dan memperoleh akses teori dan praktikal kepada trend semasa dan teknologi terkini dalam topik penyelidikan yang dipilih, yang memberikan peluang pekerjaan atau peningkatan gaji yang lebih baik.

CEBioMeds@IPPT telah dibuka bermula 1 Mac 2023 untuk penyertaan oleh pelajar dan individu yang berminat.

Maklumat lanjut boleh diakses di laman sesawang: <https://cebio-meds.amdi.usm.my/> atau emel: badrul@usm.my.



YBhg. Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed melancarkan Continuous Education In Biomedical Sciences (CEBioMeds@IPPT) Programme

CRL Anjurkan Seminar Analytical Topic Bersama CHEMOPHARM SDN BHD

Oleh: Athirah Raihanah Binti Abdul Wahab



Seminar Analytical Topic

BILIK SEMINAR ARC, IPPT, Jun 22 2023 –

Makmal penyelidikan berpusat (crl) telah berjaya menganjurkan satu seminar yang bertajuk “Analytical Topic” kolaborasi bersama syarikat Chemopharm Sdn Bhd. Yang bertempat di bilik seminar ARC, IPPT.

Objektif utama seminar ini adalah untuk perkembangan dan perkongsian ilmu asas dan teori water purification system dan juga freeze dryer.

COLLABORATION



Sesi pemeriksaan pipet secara percuma

Selain daripada itu, seminar ini juga turut mengadakan klinik pipet iaitu pemeriksaan kondisi pipet secara percuma bagi memastikan pipet para penyelidik dan pelajar berada dalam keadaan yang baik dan optimum.

Seminar ini telah disampaikan oleh Ng Chu Jin dan juga Jojo Ng Zu-Ee (Product Manager Chemopharm Sdn.Bhd.)

Seminar telah dihadiri oleh para penyelidik, staf serta pelajar pascasiswazah yang berminat untuk mempelajari jenis-jenis dan aplikasi water purification system dan proses freeze drying untuk penyelidikan mereka.



Penerangan Lebih Lanjut Mengenai Water Purification System Oleh Product Manager Chemopharm Sdn Bhd Semasa Sesi Dem

IPPT Terima Kunjungan Lawatan Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan (PPSP)

COLLABORATION

Oleh: Nur Anis Syamimi Mohamamid Azmi & Mahirah Binti Mahyidin

Bertam, June 22 2023 -

Institut Perubatan Dan Pergigian Termaju (Ippt) Telah Menerima Kunjungan Lawatan Daripada Profesor Dr. Abdul Razak Sulaiman, Dekan Pusat Pengajian Sains Perubatan (Ppsp) Serta Profesor Dr. Kamarul Aryffin Baharuddin, Timbalan Dekan Akademik, Kerjaya Dan Antarabangsa. Tujuan Utama Lawatan Ini Adalah Untuk Melihat Fasiliti Yang Berkaitan Dengan Program Ijazah Doktor Perubatan (Md Usm+1) Di Ippt.

Selain Itu, Aktiviti Lawatan Dimulakan Di Pusat Perubatan Usm Bertam (Ppusmb) Dan Diikuti Oleh Lawatan Ke Sains@Bertam, Dimana Lawatan Di Ppusmb Diketuai Oleh Profesor Madya Dr. Noor Khairiah A. Karim, Timbalan Pengarah Klinikal, Kelestariandan Piawaian. Lawatan Diteruskan Ke Klinik Pakar Perunding, Wad Pesakit Dalam, Wad Rawatan Harian, Unit Rawatan Rapi, Unit Dewan Bedah, Unit Keemasan Dan Penjagaan Ambulatori, Klinik Pergigian Serta Unit Senaman Dan Rehabilitasi.

Seterusnya, Lawatan Di Sains@Bertam Pula Diketuai Oleh Dr. Ida Shazrina Ismail, Timbalan Pengarah Akademik Dan Antarabangsa, Antara Fasiliti Yang Dikunjungi Ialah Auditorium, Academic Learning Space, Bilik Kuliah, Perpustakaan, Makmal Latihan Klinikal, Muzium Anatomi Dan Patologi Serta Makmal Pelbagai Guna. Pada Akhir Lawatan Perbincangan Diteruskan Berkaitan Program Md Usm+1 Telah Dipengerusikan Oleh Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Pengarah Ippt.

Keseluruhannya Pihak Ppsp Berpuas Hati Dengan Fasiliti Di Ippt Bagi Pelaksanaan Program Md Usm+1 Bagi Pengambilan Para Pelajar Fasa I (Pre-Klinikal) Pada Tahun 2024.



Kunjungan dari Dekan Pusat Pengajian Sains

'A Scientific Seminar On Translational Research' Bersama Profesor Dr. Li Gang Dari "The Chinese University Of Hong Kong"

COLLABORATION

Oleh: Mahirah Binti Mahyidin

BERTAM, Jun 13 2023 –

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) telah mengadakan seminar selama 2 hari di Auditorium SAINS@Bertam bersama tetamu jemputan Profesor Dr. Li Gang dari The Chinese University Hong Kong.

Ucapan alu-aluan disampaikan oleh Pengarah IPPT, Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin dan seminar ini juga telah dijalankan secara maya dengan menggunakan aplikasi Webex.

Objektif utama seminar ini adalah untuk berkongsi idea, bimbingan dan pengalaman daripada Profesor Dr. Li Gang untuk menjadi saintis yang berjaya dimasa hadapan.

Prof Dr. Li Gang telah menyampaikan sesi perkongsian yang bertajuk 'insights from distraction osteogenesis from interest, research to novel clinical applications' dan 'specialist clinic' pada hari pertama seminar.

Seterusnya, dalam seminar sesi perkongsian ilmu oleh Prof Dr. Li Gang diteruskan pada hari berikutnya dengan tajuk 'circulating mesenchymal stem cell: biology and clinical implications sec2 mutant maintains bone homeostasis via regulating crosstalk between bone formation' dan 'host t cell effector immunity'.

Seminar ini diakhiri dengan sesi fotografi bersama peserta dan penceramah dan diharapkan seminar seperti ini dapat memberi peluang kepada penyelidik berkongsi ilmu pengalaman dan memperluas lagi pengetahuan bersama.



Profesor Dr. Li Gang Bersama Peserta Seminar

Empowering Women's Health: UNITA Nurses Collaborate with LPPKN for Successful Women's Well-Being Seminar

Oleh: Divanee A/p Chandrasegar



Deputy Minister of PWKM, YB Hajah Aimah Athirah Binti Sabu, and Director of LPPKN Penang, Dr. Azura Abdullah, joined by the dedicated team from UNITA PPUSMB

LPPKN, BERTAM, May 29 2023 -

On May 29, 2023, the Women's Cancer Unit (UNITA) nurses from PPUSM joined forces with LPPKN to facilitate a highly successful Women's Well-Being and Lifestyle Seminar at LPPKN Bertam. The seminar, graced by the presence of YB Hajah Aimah Athirah Binti Sabu, the Deputy Minister of PWKM, accompanied by Mr. Hairil Fadzly Md Akir, Deputy Director General (Policy), and Dr. Azura Abdullah, Director of LPPKN Penang, highlighted the collaborative efforts between government agencies and healthcare professionals in promoting women's health and welfare.

The dedicated UNITA nurses played a pivotal role in ensuring the seminar's success.



Sharing Sessions

COLLABORATION

Working diligently, they meticulously selected informative topics on breast examination expertise, women's health, and cancer awareness, which greatly enriched the content and discussions. Their expertise and contributions added substantial value to the event, empowering women with essential knowledge for their well-being.

Aligned with the spirit of Mother's Day, the seminar primarily aimed to promote women's health, well-being, and lifestyle choices, with a specific focus on issues relevant to mothers. The presence of YB Hajah Aimah Athirah Binti Sabu further elevated the event's significance, underscoring the government's unwavering commitment to women's welfare and empowerment within the community.

The Women's Well-Being and Lifestyle Seminar served as a dynamic platform to celebrate Mother's Day while simultaneously raising awareness about crucial health concerns and encouraging positive lifestyle choices. The combined expertise of the Women's Cancer Unit nurses, led by Dr. Hasmah Hussain, and the esteemed presence of YB Hajah Aimah Athirah Binti Sabu created a meaningful and impactful experience for all participants at LPPKN Bertam.

This collaborative effort between UNITA, LPPKN, and government representatives showcased a strong dedication to promoting women's health and well-being. Through informative discussions and empowering insights, the seminar offered participants the tools to make informed decisions regarding their health and lifestyle. In summary, the successful Women's Well-Being and Lifestyle Seminar exemplified the collective commitment to empower women's health. The UNITA nurses' expertise, combined with the presence of YB Hajah Aimah Athirah Binti Sabu, highlighted the significance of the event and the collaborative endeavors between government agencies and healthcare professionals. By providing valuable information and celebrating Mother's Day, the seminar became a catalyst for positive change in women's lives, fostering a healthier and more empowered community.



Educate and Demo Sharing

Seminar Stemcell Technologies dan Next Gene Scientific Anjuran Program Breast Cancer Translational Research, IPPT

Oleh: Dr. Norfarazieda Hassan & Mazlan Hanafi



Sesi bergambar bersama peserta.

BERTAM, Jun 6 2023 –

Breast Cancer Translational Research Programme (BCTR@IPPT) dan Jabatan Sains Bioperubatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Universiti Sains Malaysia (USM), dengan kolaborasi STEMCELL Technologies dan Next Gene Scientific telah menganjurkan seminar yang bertajuk ‘Revolutionize your Research with STEMCELL Technologies, Advanced Tools and Solution for Life Science’ yang bertempat di Bilik Mesyuarat Bahagian Penyelidikan dan Jaringan, ARC.

STEMCELL Technologies dengan ber-
temakan ‘Scientists helping Scien-
tists’ merupakan syarikat saintifik
yang terkenal dalam menyediakan
media kultur sel yang berkualiti tinggi,
teknologi pemisahan sel, instrumen,
produk aksesori

Dan merupakan sumber kepada saintis di seluruh dunia untuk melakukan penyelidikan dalam penghasilan sel stem, imunologi, kanser, perubatan regeneratif dan terapi selular.

COLLABORATION

Seminar berkenaan dengan ‘Cell isolation strategies, Induced Pluripotent Stem Cell (iPSC) dan 3D Culture and Modelling’ telah disampaikan oleh Dr Adeline Foo (Product and Scientific Support Specialist) dan juga disertai oleh Dr Jonathan Cox (Scientific Sales Representative) daripada STEMCELL Technologies, Singapura. Turut hadir bersama ialah Ms Lai Soo Wah, Ms Tan Yee Lin dan Ms Yeoh Chew Ee Ling mewakili Next Gene Scientific, Malaysia.

Program juga dihadiri oleh beberapa pensyarah IPPT termasuk Professor Madya Dr Badrul Hisham Yahaya (Ketua Program BCTR@IPPT), Dr Mohammad Syamsul Reza Harun (Penasihat AMDI Student Association – ASA), Professor Madya Dr Bakiah Shaharuddin (BCTR@IPPT), Dr Norfarazieda Hassan (BCTR@IPPT), dan pelajar-pelajar pascasiswazah yang berminat untuk mempelajari teknik-teknik dan aplikasi sel stem untuk penyelidikan mereka.

Seminar juga telah dilanjutkan dengan perbincangan di antara pihak BCTR@IPPT dan STEMCELL Technologies/Next Gene Scientific untuk potensi kolaborasi dan sokongan teknikal bagi penyelidikan di IPPT di masa akan datang.

COLLABORATION

IPPT USM Tandatangan Persefahaman Dengan Universiti Jepun, Thailand Dan Industri Perkukuh Kolaborasi

Oleh: Naziroh Shafii & Mahirah Mahyidin

SAINS@BERTAM, Februari 28 2023 -

Universiti Sains Malaysia (USM) akan meningkatkan lagi kolaborasi dengan pelbagai pihak untuk memperkasakan agenda masa hadapan.

Menurut Naib Canselor USM Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed, melalui perkongsian pintar dengan kepakaran yang ada di universiti terkemuka dunia yang lain dan industri, universiti mampu dapat mencapai kecemerlangan bukan sahaja akademik tetapi juga penyelidikan dan bidang-bidang lain untuk membangunkan masyarakat dan negara.



Naib Canselor USM Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed bersama Pengarah IPPT Prof. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin, Nanjing Vazyme Biotech, Biotek Abadi dan Codon Genomics Sdn Bhd

Beliau berucap dalam majlis penandatanganan memorandum persefahaman (MoU) dan memorandum perjanjian (MoA) dengan Fakulti Perubatan, Universiti Osaka, Jepun dengan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) untuk meningkatkan jaringan dan kolaborasi penyelidikan, pertukaran pelajar, pertukaran penyelidik, pengajuran bersama simposium, persidangan antarabangsa, program pengajaran dan pembelajaran (P&P) antara kedua-dua universiti.

Yang hadir sama ialah Pengarah Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin yang menandatangani dokumen-dokumen persefahaman sebagai saksi.



Sesi fotografi bersama Osaka University



Sesi fotografi bersama Mahidol University

Hadir secara maya adalah Prof. Kamide Kei, Prof. Dr. Kazuki Fukuchi, Prof. Dr. Mai Kabayama dan Prof. Madya Dr. Dousatsu Sakata dari Osaka University.

Pada majlis yang sama IPPT juga turut menandatangani MoU dengan Mahidol University, Thailand untuk kerjasama penyelidikan serta mempergiatkan usaha promosi program penyelidikan, pendidikan dan latihan.

Mahidol University diwakili oleh adalah Professor Dr. Chartchalerm Isarankura-Na-Ayudhya, Prof. Madya Dr. Wijit Wonglumsom, Penolong Prof. Dr. Chotiros Plablueng dan Dr. Leroy Treeratanapiboon yang hadir secara maya.

Naib Canselor turut menandatangani MoA bagi pihak IPPT USM dengan syarikat Nanjing Vazyme Biotech Co. Ltd. dari China dan Biotek Abadi Sdn. Bhd. untuk menjalankan program "Emerging Infectious Disease" (EID).



Sesi fotografi bersama Nanjing Vazyme Biotech Co. Ltd. dari China dan Biotek Abadi Sdn. Bhd



Sesi fotografi bersama Codon Genomics Sdn. Bhd

Pada majlis yang sama Naib Canselor turut menandatangani MoA dengan syarikat Codon Genomics Sdn. Bhd untuk menyokong usaha saintifik yang berpusat pada data dalam rawatan kanser payudara translasi dan aplikasi dalam klinikal di IPPT dengan memanfaatkan ekosistem data kanser payudara komprehensif yang dibangunkan oleh Codon Genomics Sdn. Bhd.

Nanjing Vazyme Biotech Co. Ltd. diwakili oleh En. Ong Wei Ching dan En. Muhammad Faisal Ikhwan Othman manakala En. Vincent Tan Cheah Fook dan En. Kenneth Low Ann Shyun mewakili Biotek Abadi Sdn. Bhd. Codon Genomics Sdn. Bhd. pula diwakili oleh En. Hoh Chee Choong serta Dr. Lee Wei Kang.

"Saya berharap persefahaman dan perjanjian yang dimeterai bersama universiti dan industri ini akan menghasilkan kerjasama yang membawa hasil kepada kedua-dua pihak" kata Abdul Rahman.

Naib Canselor turut meluangkan masa melawat pameran dan demonstrasi yang disediakan oleh pihak Nanjing Vazyme Biotech Co., Ltd. dan Biotek Abadi Sdn. Bhd. di Auditorium Sains@Bertam.

Yang hadir sama menyaksikan penandatanganan MoU dan MoA ini ialah Prof. Madya Dr. Badrul Hisham Yahaya, Prof. Madya Dr. Rafidah Zainon, Dr. Ng Siew Kit dan Dr. Hasmah Hussin koordinator IPPT yang terlibat dalam kolaborasi ini.

Kumpulan Perawatan Luka dan Enterostoma (WEST), Pusat Perubatan USM di Webinar Antarabangsa

COLLABORATION

Oleh: Husnaida Binti Abdul Manan @ Sulong


PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, Mac 2023 -

Satu webinar antarabangsa bertajuk "Perawatan Luka Akut" telah dijalankan secara atas talian pagi ini. Webinar yang dihos oleh Sekolah Tinggi Kesihatan (STIKes) ARTA Kabanjahe, Sumatera Utara adalah anjuran bersama antara pihak STIKes ARTA Kabanjahe dengan Bahagian Penyelidikan dan Jaringan IPPT, Universiti Sains Malaysia.

Seramai lebih 180 peserta termasuk majoritinya mahasiswa dan mahasiswi serta tenaga pengajar dalam bidang kejururawatan STIKes ARTA Kabanjahe dan staf kejururawatan daripada Pusat Perubatan USM Bertam sendiri yang hadir untuk mengikuti dan menjayakan webinar yang berlangsung selama dua jam itu.

Webinar telah disampaikan oleh Pakar Bedah Am, Pusat Perubatan USM, Bertam (PPUSMB), Dr. Hasmah Hussin, juga merupakan Pensyarah Perubatan, Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Penasihat Kumpulan Perawatan Luka dan Enterostoma (WEST), PPUSMB. Selain beliau, dua penyampai lain adalah ahli WEST iaitu Encik Mohd Imran Azizan, Jururawat Berdaftar merupakan Terapis Bertauliah Perawatan Luka dan Enterostoma dan Puan Nur Farahidayah Husin, Jururawat Berdaftar yang juga terlatih dalam perawatan luka dan enterostoma.

Sedikit pengenalan, WEST telah ditubuhkan secara rasminya pada tahun 2021. Sebelum itu, pasukan ini telah bergerak sebagai pasukan stoma yang menguruskan perawatan stoma kepada pesakit. Sejurus tamatnya latihan dua jururawat di Hospital USM, pasukan ini telah dikembangkan fungsinya kepada perawatan luka.



Webinar yang telah dijalankan.

Pada masa ini, pasukan WEST membuka perkhidmatannya di Klinik Pakar Perubatan, Pusat Perubatan USM Bertam dan telahpun menerima kes-kes perawatan luka dari pelbagai disiplin kepakaran seperti surgeri, ortopedik, onkologi dan juga kes-kes pesakit luar. WEST turut menerima kes-kes penjagaan stoma dan terlibat dalam memberi pendidikan kesihatan kepada pesakit mengenai penjagaan stoma.

USM mempunyai kolaborasi dengan Sekolah Tinggi Kesihatan ARTA Kabanjahe sejak Disember tahun lalu melaui satu perjanjian latihan amali (internship) pelajar. Aktiviti ini akan membawa pelajar-pelajar mengenali dan memahami alam realiti pekerjaan dalam bidang kejururawatan dan melaui sumber kepakaran yang sedia ada di Pusat Perubatan USM, pelajar-pekerjaan akan berpeluang mendapat lebih pendedahan segi ilmu dan kemahiran yang terkini berkait kejururawatan melaui penempatan pelajar di sini.

Pasukan WEST berbesar hati atas kerjasama erat ini dan telah menerima jemputan sebagai penceramah untuk Webinar Internasional daripada Sekolah Tinggi Kesihatan (STIKes) ARTA Kabanjahe, Sumatera Utara, Indonesia ini dengan penuh dedikasi.

Operasi Penguatkuasaan Pematuhan Kepada Peraturan Usechh 2000 Dan Pendedahan Bising 2019 Oleh Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan (Dosh) Pulau Pinang Di IPPT

Oleh: Azleen Binti Mat Sharif (CRL), Norhiman Ahmad (CRL & Unit OSHE IPPT) dan Dr Maisarah Nasution Waras (Unit OSHE IPPT)



Wakil OSHE IPPT dan Wakil Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Pulau Pinang

KOMPLEKS PENYELIDIKAN HAIWAN, Feb. 16 2023 -

Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat (CRL) telah menerima lawatan daripada Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (DOSH) Pulau Pinang pada 16 Februari 2023 lalu. Pihak DOSH Pulau Pinang yang diketuai oleh Pn. Rusnah binti Nanyan tiba di Kompleks Penyelidikan Haiwan (ARC) pada pukul 10:15 pagi dan disambut oleh Dr. Maisarah Nasution Waras, Ketua Unit OSHE IPPT.

Lawatan dimulakan di Bilik Seminar ARC dengan Dr. Maisarah memberikan taklimat ringkas berkenaan pengungsian bangunan kepada semua tetamu dan staf yang hadir dan diteruskan dengan taklimat pengenalan tentang pengurusan dan fungsi Seksyen Makmal Penyelidikan Berpusat oleh En. Mohd Basir Selvam Abdullah selaku Ketua Seksyen yang juga mewakili Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan. Antara yang hadir ke taklimat ini adalah semua Pengurus Makmal di CRL, CDL dan Staf Seksyen Kejuruteraan IPPT. Turut hadir bersama juga adalah staf dan wakil dari UKKP Kampus Induk.

Melaksanakan penguatkuasan dan pematuhan kepada peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu Peraturan Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (USECHH 2000) dan Pendedahan Bising (2019)

COLLABORATION

Setelah selesai sesi taklimat, pihak DOSH Pulau Pinang dibawa melawat ke Makmal CRL 1, Makmal CRL 2, Stor Kimia Berpusat dan Bilik GENSET. Lawatan penguatkuasaan DOSH Pulau Pinang pada kali ini adalah untuk melaksanakan penguatkuasan dan pematuhan kepada peraturan di bawah Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan iaitu Peraturan Penggunaan dan Standard Pendedahan Bahan Kimia Berbahaya kepada Kesihatan (USECHH 2000) dan Pendedahan Bising (2019). Ketika sesi lawatan dijalankan, beberapa cadangan penambahbaikan telah diberikan oleh pihak DOSH Pulau Pinang kepada Pengurus-pengurus makmal agar dapat memantapkan lagi pematuhan kepada akta dan peraturan keselamatan dan kesihatan perkerjaan (KKP) serta pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di semua makmal di IPPT.

Secara keseluruhannya, pihak DOSH Pulau Pinang berpuas hati dengan tahap pematuhan peraturan-peraturan USECHH 2000 dan Pendedahan Bising 2019 dan berharap agar amalan ini dapat dimantapkan lagi pada masa akan datang.

Nota: Unit OSHE IPPT daripada Pejabat Pengarah IPPT ingin merakamkan ucapan tahniah dan terima kasih kepada pihak pengurusan CRL dan Seksyen Kejuruteraan serta semua pihak yang terlibat atas kerjasama yang diberikan dalam sesi lawatan DOSH pada kali ini. Semoga semangat yang ditunjukkan dapat memacu IPPT untuk mencapai visi dalam menjadikan IPPT sebagai tempat kerja yang selamat dan sihat serta kondusif untuk semua pekerja dan pelajar.



Antara lawatan yang telah dijalankan.

IPPT Menerima Lawatan Dari Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) Dan Sekretariat Majlis Pergigian Malaysia

Oleh: Dr Noor Ayuni Ahmad Shafai & Mahirah Mahyidin

BERTAM, Februari 13 2023 –

Lawatan panel penilai dan pegawai Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency, MQA) serta sekretariat Majlis Pergigian Malaysia ke IPPT, USM adalah tujuan Penilaian Akreditasi Sementara Program Sarjana Sains Oral dan merupakan program klinikal 1+3 kepakaran pergigian (Ortodontik).

Panel penilai yang terlibat adalah seperti berikut, YBrs Prof Madya Dr. Aida Nur Ashikin Abd Rahman (Universiti Teknologi MARA), Pengurus Panel Penilai, YBrs Dr. Wan Syariza Wan Ali (Universiti Sains Islam Malaysia), Penilai, YBrs Dr. Ithnaniyah Abdul Wahab (Klinik Komuniti Tanglin, Kuala Lumpur), manakala penilai seterusnya Y.Brs Dr. Ili Mazlina Mukhtar (Sekretariat Majlis Pergigian Malaysia), Y.Brs Prof Madya Dr Khairil Aznan Mohamed Khan (Universiti Kebangsaan Malaysia) dan juga Panel Pemerhati Majlis Pergigian Malaysia, Encik Mohd Hafifi Mohd Mazlan (Pegawai MQA).

COLLABORATION

Semua panel telah dibawa melawat ke fasiliti akademik di Sains@Bertam, fasiliti klinikal di Klinik Pergigian 2 & 3 dan fasiliti penyelidikan di Makmal Penyelidikan Berpusat IPPT.

Program ini juga turut dihadiri oleh wakil daripada Pusat Swa Akreditasi USM, Dr. Mahadi Mohamad, Timbalan Pengarah, Cik Nur Amirah Zarifah Aniz dan Cik Nurul Ashikin Mohamad Niza.

Sekalung penghargaan diucapkan kepada semua ahli Jabatan Sains Pergigian dan staf klinikal pergigian yang telah bertungkus-lumus dalam penyediaan audit tersebut.



Webinar yang telah dijalankan.



Penilai dan pegawai Agensi Kelayakan Malaysia (Malaysian Qualifications Agency,

Lawatan ini dimulakan dengan ucapan aluan oleh Timbalan Pengarah Akademik dan Antarabangsa IPPT, Dr. Ida Shazrina Ismail dan disusuli dengan pembentangan program Sarjana Sains Oral oleh Ketua Program, Prof Madya Dr. Norehan Mokhtar.

Adalah diharapkan dengan lawatan ini, program Sarjana Sains Oral mendapat pengiktirafan akreditasi sementara dan dapat ditawarkan kepada pelajar pada penghujung tahun ini.

(IPPT) Sekali Lagi Menerima Kehadiran Pelajar Latihan Industri Dari Medan, Indonesia

Oleh: Mahirah Mahyidin

PPUSMB, Februari 3 2023 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) sekali lagi telah menerima kehadiran pelajar latihan industri dari Medan, Indonesia bermula 30 Januari sehingga 3 Februari 2023.

Kali ini seramai 27 orang pelajar tahun akhir dalam jurusan Sarjana Muda Pentadbiran Hospital (Bachelor in Hospital Administration), dan 6 orang pensyarah pengiring daripada Institut Kesehatan Helvetia (IKH), Medan, Indonesia telah mengikuti latihan tersebut bertempat di Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB).

Delegasi IKH diketuai oleh wakil dekan, iaitu Ibu Khairatunnisa, SKM, M. Kes dan ketua program studi, Ibu Sri Agustina Meliala, SKM, MKM.



Pelajar tersebut telah didedahkan mengenai pengurusan sistem yang berkaitan 3 lapangan utama dalam pentadbiran hospital iaitu bidang pengurusan klinikal dan sistem kualiti, unit kewangan, termasuk perkhidmatan tuntutan insuran/ Executive Health Services (EHS) dan perkhidmatan kerja sosial, serta unit rekod perubatan berpusat di PPUSMB.

Pada penghujung latihan tersebut, satu seminar internasional telah diadakan bersama oleh Bahagian Penyelidikan dan Jaringan (BPJ) IPPT, PPUSMB dan IKH pada 3 Februari 2023 bertempat di Dewan Auditorium SAINS@Bertam, disamping itu tayangan secara langsung atas talian melalui aplikasi Zoom.

COLLABORATION

Seminar yang bertemakan “Targetting Customers’ Satisfaction through Quality Hospital Management System” telah dihadiri oleh hampir 130 orang peserta secara fizikal dan atas talian, dan telah dirasmikan oleh Rektor IKH iaitu Dr. Ismail Effendy, M.Si yang hadir ke IPPT untuk lawatan rasmi.

Turut hadir adalah Profesor Madya Dr. Hasni Arsal, Timbalan Pengarah Penyelidikan dan Jaringan, Dr. Noor Khairiah A. Karim, Timbalan Pengarah Klinikal, Kelestarian dan Piawaian, dan Dr. Ida Shazrina Ismail, Timbalan Pengarah Akademik dan Antarabangsa, serta Dr. Eshaifol Azam Omar, Ketua Jabatan Toksikologi selaku pengurus bersama pihak pengajur seminar.

Latihan industri tersebut diakhiri dengan majlis penutup dan penyampaian sijil kepada pelajar oleh Timbalan Pengarah Akademik dan Antarabangsa, Dr. Ida Shazrina Ismail.

Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) Siri 1 di IPPT Anjuran Unit OSHE IPPT

Oleh: Norhiman bin Ahmad dan Maisarah Nasution binti Waras

PUSAT PERUBATAN UNIVERSITI SAINS MALAYSIA, BERTAM, November 22 2022 -

Unit Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (OSHE) IPPT telah menganjurkan Kursus Organisasi Keselamatan Kebakaran (OKK) yang bertempat di Bilik Mesyuarat Utama, Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB) pada 22 – 24 November 2022.

Objektif kursus ini diadakan adalah untuk meningkatkan kemahiran serta menambah pengetahuan ahli Pasukan OKK IPPT yang dilantik dikalangan staf dan pada masa yang sama kursus ini dapat memenuhi kehendak perundungan Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (Akta 514) dan peraturan-peraturan yang berkaitan dalam sesebuah organisasi.

Seramai 5 orang Penceramah daripada Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia dan 25 orang ahli Pasukan OKK IPPT yang mewakili setiap bangunan di IPPT ini telah hadir pada ke kursus tersebut yang diadakan selama 3 hari. Kursus dijalankan secara teori dan praktikal yang merangkumi Aspek Perundungan, Asas Kebakaran, Cara Pencegahan Kebakaran dan Kaedah Pemadamkan Kebakaran menggunakan Alat Pemadam Kebakaran.

Penganjuran kursus ini telah mendapat sokongan penuh daripada barisan Pengurusan Tertinggi IPPT dengan menggunakan peruntukan kewangan daripada IPPT sendiri.

COLLABORATION

Kursus ini juga berjaya diadakan dengan mendapat kerjasama yang sangat baik dari semua staf dari pelbagai Seksyen dan Unit dari PPUSMB, ARC, Sains@Bertam, Bangunan Bio-Bahan, REHAB dan Seksyen Kejuruteraan. Pihak OSHE IPPT mengucapkan terima kasih di atas kerjasama semua pihak yang terlibat bagi menjayakan kursus ini.



Pemantapan Audit Dalaman

Oleh: Mahirah Mahyidin



Sekitar Bengkel Pemantapan Audit Dalaman Program Akademik

BERTAM, Januari 31 2023 -

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) melalui Jawatankuasa Akreditasi Akademik IPPT telah berjaya menganjurkan Bengkel Pemantapan Audit Dalaman Program Akademik pada 27hb Januari 2023 yang lalu.

Tujuan utama program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada para pensyarah yang terlibat sebagai ahli jawatankuasa akreditasi akademik, ahli jawatankuasa OBE, ketua program dan Penyelaras kursus program akademik di IPPT tentang tatacara dan proses menjalankan audit dalam program akademik di peringkat PTJ.

COLLABORATION

Program ini telah dijayakan dengan bimbingan Pusat SwaAkreditasi USM (PSA) diketuai Pengarah PSA iaitu Profesor Dr. Azura Binti A. Rashid, Timbalan Pengarah PSA iaitu Dr. Mahadi Bin Mohammad, Penolong Pendaftar Kanan PSA, Puan Nur Husna Binti Mansor, Penolong Pegawai Tadbir; Cik Nurul Ashikin Binti Mohamad Niza dan Cik Vaishnavi A/p Thayalan.



Bengkel Pemantapan Audit Dalaman Program Akademik

COMMUNITY

Program Komuniti Jabatan Toksikologi IPPT Bersama Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Mutiara, Pulau Pinang

Oleh: Nurul Shahfiza Binti Noor



Stesen 1: Pameran forensik



Stesen 2: Pameran kimia analisis

SEKOLAH MENENGAH KEBANGSAAN (P) SRI MUTIARA, PULAU PINANG, Jun 22 2023 -

Pada 22 Jun 2023, Jabatan Toksikologi IPPT telah memenuhi undangan untuk menghadiri Karnival STEM anjuran Sekolah Menengah Kebangsaan (P) Sri Mutiara, Pulau Pinang. Tujuan program ini adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar-pelajar SMK (P) Sri Mutiara berkaitan bidang-bidang STEM, khususnya toksikologi. Selain itu, para pelajar juga dapat menimba pengalaman melalui aktiviti-aktiviti berdasarkan STEM bagi menambah pengetahuan dan kemahiran mereka, disamping meningkatkan dan menggalakkan minat pelajar terhadap bidang STEM. Program ini dijayakan oleh lima orang pensyarah kanan dan tiga orang pelajar pasca siswazah IPPT yang bertindak sebagai fasilitator. Seramai 51 orang pelajar tingkatan 4 dan 5 menyertai program ini.

Penekanan juga diberikan terhadap kemahiran berfikir dan penggunaan teknologi secara bijak, disamping kemahiran pentafsiran maklumat yang diperoleh untuk membuat rumusan.

Program dimulakan dengan sesi taklimat ringkas berkenaan toksikologi oleh Dr. Sharlina Mohamad yang bertajuk Toksikologi dalam Kehidupan Harian. Program diteruskan dengan aktiviti di tiga buah stesen, dengan setiap stesen menyediakan aktiviti "hands on", inkuiri dan penyelesaian masalah.

Sehubungan dengan itu, diharap aktiviti STEM yang telah dilaksanakan dapat membantu menggalakkan minat para pelajar terhadap STEM dan dapat mengintegrasikan pengetahuan, kemahiran dan nilai STEM dalam kehidupan seharian.

Terima kasih diucapkan kepada Pengetua SMK (P) Sri Mutiara, Puan Sithi Junaithal Banu Binti Mohamad Sultan dan juga guru pembimbing, Puan Rossliza Binti Yaacob atas jemputan ini.

Dari Kedah ke Pekan Sari,
Beli suasa di Kota Tinggi,
Selesai sudah tugas diberi,
Di lain masa bersua lagi.



Stesen 3: Pameran ujian toksisiti Stesen

Unit Perubatan Integratif di Seminar Perubatan Tradisional dan Komplementari

COMMUNITY

Oleh: Husnaida Binti Abdul Manan @ Sulong

Bertam, Jun 15 2023 -

Unit Perubatan Integratif, PPUSM Bertam telah menerima jemputan daripada Unit Perubatan Tradisional and Komplementari (PT&K), Hospital Kepala Batas bagi menjayakan Seminar Perubatan Melayu yang diadakan di Dewan Nilam hospital itu hari ini. Seminar yang dihoskan adalah antara aktiviti tahunan yang dijalankan bagi meningkatkan kesedaran staf tentang keberadaan perkhidmatan perubatan tradisional dan komplimentari dan bagi meningkatkan pengetahuan akademik dan maklumat kajian terkini berkait perawatan dalam Perubatan Melayu. Tema yang dipilih ialah "Pemantapan Perubatan Tradisional Melayu ke Arah Perawatan Integratif".

Seramai lebih 40 peserta yang terdiri daripada pegawai-pegawai perubatan, jururawat, paramedik, ahli farmasi dan lain-lain staf menyertai seminar tersebut.

Selain penceramah daripada Unit PT&K iaitu Dr Sakinah 'Am, pegawai perubatan yang memberi input semasa PT&K peringkat kebangsaan, penceramah-penceramah lain yang dijemput termasuklah, Dr Eshaifol Azam Omar, Ketua Jabatan Toksikologi, IPPT USM, Dr Husnaida Abdul Manan@Sulong, Ketua Unit Perubatan Integratif, Pusat Perubatan USM (PPUSM) Bertam , Puan Nur Liana Abu Bakar, Jururawat Terlatih Pos Basik Rehabilitasi, PPUSM Bertam dan Dr Fatimatuzzahra' Abdul Aziz, Pensyarah Universiti dan Penyelidik, Pusat Pengajian Sains Farmasi yang turut berkongsi ilmu, pengalaman dan dapatan kajian dalam bidang Perubatan Melayu kepada peserta yang hadir. Selain input ceramah, di awal paginya majlis telah dimulakan dengan aktiviti senaman Melayu dibawah seliaan instruktur En Wazir Abu Bakar dan En Khairul Zulkarnain Ahmad Johari yang merupakan Penolong Pegawai Perubatan dan Juruteknik Perubatan, PPUSM Bertam masing-masing.

Sedikit pengenalan, Hospital Kepala Batas adalah satu daripada tiga hospital perintis yang telah memberi perkhidmatan perubatan tradisional dan komplementari kepada orang awam iaitu sejak tahun 2007 lagi. Setelah itu, kini terdapat sebanyak lima belas unit sama telah ditubuhkan di seluruh negara. Seminar hari ini telah mengetengahkan topik-topik menarik iaitu Perkembangan Perubatan Tradisional dan Komplimentari di Malaysia, Konsep Perubatan Tradisional Melayu, Integrasi Urut Melayu dalam Pengurusan Rehabilitasi, Urut Strok Berdasarkan Warisan Perubatan Melayu dan Urut Melayu dalam Kesuburan Lelaki.

Semoga lebih banyak perkongsian dijalankan antara kedua-dua pihak demi meningkatkan kesihatan komuniti sejagat.



Peserta Seminar Perubatan Tradisional & Komplementari Hospital Kepala Batas

IPPT Bersama Komuniti Menerusi Program Translasi Ilmu dan Kesedaran Stem melalui EID STEM Outreach(C)

COMMUNITY

Oleh: Dr. Noorsuzana Mohd Shariff/Suntingan: Mahirah Mahyidin

BALING, Jun 11 2023 –

Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) melalui program penyelidikan Emerging Infectious Disease (EID) dengan kerjasama Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) program ini mendapat inisiatif KPT Prihatin Komuniti Sejahtera ini telah melebarkan jangkauan penyebaran kesedaran sains dan teknologi berkaitan kesihatan ke daerah Baling, Kedah pada tanggal 11 Jun 2023 yang lalu.

Program komuniti ini menerima penajaan daripada Malaysian Society for Molecular Biology and Biotechnology (MSMBB) telah diketuai oleh dua orang pensyarah kanan, Dr. Asmida Isa dari Jabatan Bioperubatan, dan Dr. Noorsuzana Mohd Shariff dari Jabatan Kesihatan Komuniti, IPPT.

Program ini mensasarkan murid-murid dari empat buah sekolah rendah luar bandar di daerah Baling antaranya, Sekolah Kebangsaan Kampung Sera, Sekolah Kebangsaan Rambong Pulai, Sekolah Kebangsaan Teluk Teduri dan Sekolah Kebangsaan Pulai.



Pelajar-pelajar sekolah

Seterusnya, program komuniti yang telah di rasmikan dan menerima pengiktirafan daripada pihak Pejabat Pendidikan Daerah Baling ini telah berjaya melibatkan seramai 221 orang murid tahun 1 hingga tahun 6.

Di sepanjang program berlangsung murid-murid telah didedahkan tentang virus dan penyakit-penyakit berjangkit yang umum ditemui dalam komuniti.

Selain itu, bagi memupuk minat dalam bidang sains dan teknologi, khususnya kepada bidang biologi para murid turut di beri pendedahan terhadap cabang ilmu berkaitan bidang biologi molekul.

Pelbagai aktiviti telah dijalankan antaranya ceramah virus dan DNA, eksperimen mengekstrak DNA, pameran poster penyakit berjangkit dan pertandingan mewarna.

Lebih menarik lagi aktiviti-aktiviti ini turut melibatkan para pelajar pascasiswazah dari IPPT sebagai fasilitator program melalui persatuan pelajar IPPT (ASA) yang disertai para pelajar dari dalam dan luar negara.

Di samping itu, turut dijayakan sesi pemeriksaan kesihatan, demonstrasi cucian tangan dan ceramah kesihatan mengenai kesihatan remaja oleh pasukan kesihatan daripada Pusat Perubatan Universiti Sains Malaysia Bertam (PPUSMB).

Maklum balas yang diterima daripada pihak sekolah yang terlibat amat memberangsangkan dan diharapkan untuk diteruskan pada masa hadapan agar dapat dimanfaatkan komuniti-komuniti lain di sekitar utara Malaysia bagi mencapai sasaran universiti ke arah kelestarian translasi ilmu, kesejahteraan masyarakat dan memenuhi visi HEBAT agenda Universiti Sains Malaysia.



IPPT Bersama Komuniti

Program Celik Ilmu Dekati Penduduk Kampung Orang Asli Lubok Legong

Oleh: Mahirah Mahyidin



Bersama Penduduk Kampung Orang Asli Lubok Legong

BALING, Jun 10 2023 -

Persatuan Pelajar IPPT (ASA) telah mengadakan satu Program Celik Ilmu yang berkolaborasi bersama Emerging Infectious Disease (EID) Research Program IPPT, USM di Kampung Orang Asli Lubok Legong, Baling Kedah pada hujung minggu lalu.

COLLABORATION

Program ini telah diketuai oleh Cik Hanis Nabilah Mohd Nazman dan melibatkan 24 ahli ASA dan turut hadir bagi menjayakan lagi program ini Dr. Ida Shazrina Ismail, Timbalan Pengarah Akademik bersama 3 pens-yarah lain.

Selain itu, program ini disambut baik oleh Tok Batin Razali Kulim, Ketua Kampung Orang Asli Lubok Legong dan melibatkan 40 orang kanak-kanak orang asli yang berumur dalam lingkungan 6 hingga 13 tahun dan juga ibu-ibu.

Seterusnya, antara pengisian aktiviti dilakukan bersama penduduk kampung ini adalah senamrobik, pertandingan mewarna, 'Mari Mengenal Mikroskop Dan Mikroorganisma' dan permainan bola beracun dimana telah mendapat tajaan oleh geran komuniti Malaysian Society for Molecular Biology and Biotechnology (MSMBB).

Program Celik Ilmu ini juga mendapat sumbangan barang dari pensyarah dan staff IPPT dan juga orang awam seperti permainan kanak-kanak, alat tulis, pakaian sekolah, pakaian wanita, lelaki dan kanak-kanak untuk diedarkan kepada penduduk.

Health on Wheels: PPUSMB Nurses Empower Communities Through Awareness at Jom Masuk U (Zon Utara) 2023

Oleh: Divanee chandrasegar, Hamidah Othman, Norhayati Abdul Razak, Azizah Tahir, Rosmira Ramli, Aizam Shazurawati, Marlinawati Ramli, and Nurfarzana Faiqa

UITM MERBOK KEDAH, May 27 2023 -

The Jom Masuk U (Zon Utara) carnival program, organized by the Department of Higher Education (JPT), provides opportunities for individuals planning to apply for admission to UA/IPTA and Polytechnic in 2023. This two-day carnival took place on May 27, 2023, and May 28, 2023, at UITM Merbok, Sungai Petani. As part of this event, PPUSMB was invited to offer health screening services and education. Led by Senior Staff Nurse Divanee Chandrasegar from the Nursing Department of PPUSM, the team of 8 members focused on raising awareness about the importance of Breast Self-Examination and Pap Smears in women's health.

During the program, the Nurses from PPUSMB conducted various activities to promote breast and cervical cancer awareness. The Medical Couch bus served as a central hub for health screenings and educational sessions. Visitors received informative sessions on breast self-examination, emphasizing the significance of regular screenings. The team highlighted the importance of self-examinations and encouraged individuals to seek medical attention if they noticed any abnormalities or changes in their breast anatomy. Additionally, they actively promoted awareness about Pap smears for cervical cancer detection and prevention by offering sample taking and health education for free.



PPUSMB Nurses Empower Communities Through Awareness

The nurses at PPUSMB engaged with visitors, with a particular focus on girls and young women, providing comprehensive education on breast self-examination techniques and stressing the importance of regular screenings. Notably, Senior Nurse Divanee Chandrasegar also actively educated boys and young men about breast cancer awareness, dispelling the misconception that it only affects women. By actively engaging with students, teachers, and the public, the PPUSMB team fostered an atmosphere of learning and health advocacy, embracing individuals from various cultural backgrounds.

COMMUNITY



The Medical Couch bus, PPUSMB

PPUSMB's participation in Jom Masuk U (Zon Utara) 2023 highlighted their commitment to promoting health awareness and empowering the public to prioritize their well-being. Through their dedication and efforts, the Nursing PPUSMB team played a crucial role in enhancing health awareness and empowering the community during the carnival.

Their contribution and knowledge contributed to educating participants about preventive care and early intervention.

Collaborations and initiatives like these pave the way for building a healthier society, where individuals are informed and empowered to take control of their well-being. By staying informed, staying empowered, and prioritizing their health, individuals can lead healthier lives and make a positive impact on their communities.

Stay informed, stay empowered, and stay healthy!



Nurses empower communities through awareness

NC USM Santuni Pesakit di Wad PPUSMB

Oleh: Naziroh Shafii

BERTAM, April 10 2023 -

Bersempena dengan Majlis Iftar Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) bersama Warga Staf dan Pelajar IPPT, Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed hari ini meluangkan masa menyantuni pesakit di wad PPUSMB.

Abdul Rahman yang ditemani isteri, Datin Roslina Ahmad Mohamed turut menyampaikan sumbangan Kasih Ramadhan dan edaran Iftar kepada pesakit-pesakit di wad PPUSMB.



Naib Canselor USM Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed menyantuni pesakit di wad PPUSMB

Seramai 14 orang pesakit berbilang bangsa dan agama menerima sumbangan yang disampaikan oleh Naib Canselor.

Hadir sama adalah Pengarah IPPPT, Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin; Mantan Timbalan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Aldrin Abdullah bersama Profesor Dr. Md Roslan Hashim; wakil Pejabat YaPEIM Kawasan Utara, Ahmad Abdullah serta Pengurusan Tertinggi IPPT dan Pengurusan PPUSMB.

COMMUNITY

NC USM Sampaikan Sumbangan Ramadhan kepada Staf dan Pelajar IPPT

Oleh: Naziroh Shafii

PPUSMB, April 10 2023 -

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed hari ini meluangkan masa berbuka puasa bersama warga staf dan pelajar Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) dan Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) di Dataran Seksyen Kejuruteraan, IPPT sempena Majlis Iftar IPPT dan PPUSMB Bersama Warga Staf dan Pelajar.

Abdul Rahman dalam ucapannya berkata, PPUSMB mendapat sokongan daripada pihak Pengurusan USM dan akan dilengkappan dengan kemudahan peralatan hospital dan pakar perubatan yang mencukupi supaya dapat memberi perkhidmatan terbaik demi kesejahteraan staf dan keluarga, pelajar, pesara dan masyarakat setempat khususnya.

Abdul Rahman yang ditemani isteri, Datin Roslina Ahmad Mohamed kemudiannya menyampaikan sumbangan Kit Maidah Rahman kepada staf dan sumbangan berbentuk wang tunai kepada pelajar.

Seramai 39 staf dan 12 pelajar berbilang bangsa dan agama menerima sumbangan ini.

Abdul Rahman turut meluangkan masa menyantuni para petugas yang terlibat dalam penyediaan juadah iftar dan beliau seterusnya sama-sama membantu menyajikan juadah kepada hadirin yang datang.

Pihak IPPT USM bersyukur kerana program ini mendapat bantuan tajaan daripada Pusat Islam USM dan pihak Pejabat Pentadbiran YaPEIM Negeri Kedah, Perlis dan Pulau Pinang.

Seramai 300 warga staf bersama ahli keluarga dan pelajar hadir ke majlis ini.

Hadir sama adalah Pengarah IPPPT, Profesor Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin; Mantan Timbalan Naib Canselor USM, Profesor Dato' Dr. Aldrin Abdullah bersama Profesor Dr. Md Roslan Hashim; wakil Pejabat YaPEIM Kawasan Utara, Ahmad Abdullah serta Pengurusan Tertinggi IPPT dan Pengurusan PPUSMB.



Naib Canselor USM menyantuni warga IPPT

Naib Canselor Berazam Bersama-sama Perkuuh Jenama IPPT Dan Pusat Perubatan USM Bertam

COMMUNITY

Oleh: Naziroh Shafii

PUSAT PERUBATAN USM BERTAM, Feb 2 2023 -

Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed meminta seluruh warga Pusat Perubatan USM Bertam (PPUSMB) dan Pengurusan Institut Perubatan dan Pergigian Termaju (IPPT) bersama-sama universiti untuk mengukuhkan jenamanya sebagai pusat rawatan terkemuka.

Beliau bercakap ketika menyantuni barisan Pengurusan PPUSMB IPPT sempena lawatan rasmi beliau hari ini.



Naib Canselor Universiti Sains Malaysia (USM), Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed tiba dipintu utama PPUSMB

Ketika perbincangan Naib Canselor meminta supaya semua pihak berusaha mengukuhkan jenama yang ada sebagai sumbangan kepada komuniti setempat.

"Walaupun PPUSMB dan IPPT kini telah menjadi dua buah PTJ yang berasingan, banyak cabaran yang perlu dihadapi dalam menjadikan PPUSMB sebagai jenama pusat perubatan di Wilayah Koridor Utara," ujar Naib Canselor.



Naib Canselor (USM), di dalam satu mesyuarat khas bersama barisan Pengurusan PPUSMB

Beliau berharap agar PPUSMB dapat menjadi pusat perubatan pilihan penduduk bukan sahaja bagi penduduk setempat malah dari luar kawasan Bertam.

Antara agenda utama Universiti adalah mensasarkan PPUSMB untuk menjadi sebuah Hospital Pengajar Universiti yang pertama di Wilayah Koridor Utara dengan 500 buah katil dalam menyokong agenda APEX.

Beliau merakamkan ucapan penghargaan kepada mantan Naib Canselor, Profesor Dato' Dr. Faisal Rafiq Mahamad Adikan di atas usaha dan sokongan beliau memajukan semula IPPT dan berjanji akan meneruskan usaha ini.

"IPPT dan PPUSMB merupakan antara agenda utama Universiti," kata Abdul Rahman ketika memulakan sesi perjumpaan bersama barisan Pengurusan kedua-dua PTJ.



Profesor Dato' Ir. Dr. Abdul Rahman Mohamed ketika menyatakan sokongan beliau.

Beliau menyeru agar semua staf menyokong dan bekerja keras bersama-sama Universiti untuk mencapai segala perancangan dan hala tuju yang telah dirancang.

Naib Canselor turut mengalui-alukan sebarang cadangan dari warga IPPT dan PPUSMB apa yang dirasakan perlu dilaksanakan untuk IPPT dan PPUSMB bergerak jauh ke hadapan.



Mesyuarat khas yang telah dijalankan.

Beliau meminta agar untuk seluruh warga melihat semula agenda APEX dan memperkasakan empat teras utama yang sangat relevan dengan IPPT dan PPUSMB iaitu intensif penyelidikan rentas bidang (transdisciplinary research-intensive); memperkasakan bakat pensyarah muda supaya dapat melahirkan ramai profesor yang terkenal dalam pelbagai bidang dan pelajar yang berkabut; memperkasakan 'Sustainable Development Goals' (SDG) untuk membolehkan golongan 'bottom billions' mengubah kesejahteraan sosioekonomi mereka di samping untuk meningkatkan kedudukan SDG USM, serta penjanaan kewangan melalui perkhidmatan kesihatan.

"Saya yakin, dengan bakat yang ada, IPPT dan PPUSMB boleh terus bergerak maju pada masa hadapan," tegas Abdul Rahman.

Beliau turut diberikan taklimat khas oleh pihak IPPT dan PPUSMB berkenaan projek-projek pembangunan yang sedang dilaksanakan, kekangan yang dihadapi serta perancangan pada masa kini dan hadapan.

Yang hadir dalam sesi perjumpaan ini ialah Pengarah PPUSMB dan IPPT Prof. Dr. Tunku Kamarul Zaman Tunku Zainol Abidin ,

Timbalan Pengarah (Klinikal, Kelestarian dan Piawaian) Dr. Noor Khairiah A. Karim, Timbalan Pengarah (Penyelidikan dan Jaringan) Prof. Madya Dr. Hasni Arsal, Timbalan Pengarah (Akademik dan Antarabangsa) Dr. Ida Shazrina Ismail, Ketua Perkhidmatan Perubatan Dr. Fitreena Anis binti Amran, Ketua Perkhidmatan Pergigian Prof. Madya Dr. Norehan binti Mokhtar, Ketua Perkhidmatan Sokongan Klinikal Dr. Rohayu binti Hami, Ketua Perkhidmatan Kejururawatan Pn. Law Kim Sooi, Penyelaras Pejabat Perniagaan Korporat IPPT Prof. Madya Dr. Bakiah binti Shaharuddin,

PPUSMB akan memperkasakan perkhidmatan perawatan onkologi serta rehabilitasi dan pergigian dan menambah baik keperluan peralatan di Unit Kecemasan dengan segera bagi menampung keperluan pesakit.

Ketua Seksyen Pengurusan En. Zulfaizal bin Abdul Majid, Ketua Seksyen Kejuruteraan En. Khairul Hafiz bin Aziz, Pegawai Kewangan En. Mohd Khairul Anuar bin Zulkepli, Pegawai Teknologi Maklumat Cik Salmiza binti Zakaria, Ketua Pejabat Pengarah PPUSMB Pn. Balkhis Said, Ketua Pentadbiran En. Yusmadi Norashid, Ketua Pejabat Pengarah IPPT Pn. Naziroh Shafii, Ketua Kewangan Pn. Noor Hafizah Idris, Ketua Jabatan Pengimejan Bioperubatan Prof. Madya Dr. Rafidah Zainon, Ketua Jabatan Sains Bioperubatan Dr. Muhammad Amir Yunus, Ketua Jabatan Toksikologi Dr. Eshaifol Azam Omar,



Sesi bergambar bersama Naib Canselor USM

Ketua Jabatan Kesihatan Komuniti Dr. Hazwani Ahmad Yusof@Hanafi, Ketua Jabatan Sains Pergigian Dr. Noor Ayuni Ahmad Shafai, Ketua Jabatan Perubatan Klinikal Dr. Suria Emilia Suhana Othman Tan, Ketua Seksyen IT En. Mohammad Fauzi Yahaya, Ketua Seksyen Keselamatan En. Muhammad Hambali Soid, Ketua Unit OSHE Dr. Maisarah Nasution Waras, dan pegawai-pegawai dari Pejabat Naib Canselor iaitu Pn. Latifah Abdul Latif dan En. Ahmad Farez Ahmad Fizri. Turut hadir sama ialah Prof. Dr. Shaik Abdul Malik Mohamed Ismail.

Program PROSAS 2.0 Memupuk Gaya Hidup Sihat

Oleh: Mahirah Mahyidin

BERTAM, Januari 13 2023 -

Jabatan Kesihatan Komuniti, IPPT, USM dengan kolaborasi SK Bertam Indah, Sekolah Berprestasi Tinggi, Program Bukan Soal Kurus, dan Kementerian Pengajian Tinggi hari ini telah mengadakan sekali lagi Program PROSAS 2.0 bagi memupuk gaya hidup sihat melalui aktiviti fizikal bagi mengatasi masalah lebihan berat badan dan obesiti dalam komuniti Kepala Batas, Pulau Pinang.

Antara pengisian program ialah aktiviti fizikal, siri ceramah kesihatan, penghasilan bakat sebagai jurulatih kecergasan (TOT) dan pembangunan modul kesihatan.

COMMUNITY



Sesi bergambar bersama peserta

Dalam usahasama yang mendapat sokongan daripada Bahagian Jaringan, Industri dan Masyarakat (BJIM), USM dan Kesatuan Guru-Guru Malaysia Barat (KGMB), Cawangan Pulau Pinang ini yang merupakan susulan kesinambungan dari Program PROSAS 1.0, dan kini PROSAS 2.0 mensasarkan guru-guru sekolah rendah dan komuniti.



Penyampaian cenderamata kepada pihak sekolah

PROSAS 2.0 ini diketuai oleh Dr Mastura Mujar yang melibatkan 30 peserta dari USM, SKBI dan KOMUNITI ini bagi menyahut cabaran sihat.

Antara pengisian program ialah aktiviti fizikal, siri ceramah kesihatan, penghasilan bakat sebagai jurulatih kecergasan (TOT) dan pembangunan modul kesihatan.

Inisiatif ini diharapkan dapat memupuk gaya hidup sihat dalam komuniti melalui persekitaran yang kondusif dan mesra keluarga, sekali gus dapat menerapkan aktiviti secara fizikal sebagai amalan sehari-hari.

Minyak Kelapa Dara: Manfaat atau Mudarat?

Oleh: Nurdianah Harif Fadzilah



Virgin Coconut Oil

Minyak kelapa dara/ Virgin coconut oil (VCO) dihasilkan melalui beberapa kaedah, seperti dengan menapai santan dan menambahkan mikrob (*Lactobacillus fermentum* dan *Lactobacillus plantarum*) sebagai kultur permulaan. VCO juga boleh dihasilkan melalui proses sentrifugasi dan gelombang mikro, atau melalui penapaian tanpa penambahan mikrob sebagai pemula. Minyak ini dipanggil minyak dara kerana ia diekstrak tanpa rawatan kimia, haba, pelunturan, atau penyabuan.

VCO telah digunakan secara meluas kerana dipercayai mempunyai pelbagai manfaat berbanding minyak sawit dan minyak kelapa yang dihasilkan melalui proses pemanasan. VCO mempunyai beberapa potensi manfaat seperti:

[1] Antioksidan: sebatian fenolik yang terkandung dalam VCO boleh membantu melindungi sel daripada kerosakan yang disebabkan oleh radikal bebas dan tekanan oksidatif. Radikal bebas ialah molekul tidak stabil yang boleh merosakkan sel dan menyumbang kepada perkembangan penyakit kronik seperti penyakit jantung, kanser, dan Alzheimer. Kajian menunjukkan VCO mempunyai potensi antioksidan yang berupaya menghalang pembiakan sel kanser.

[2] Anti-radang: Keradangan adalah tindak balas semula jadi kepada kecederaan atau jangkitan, namun keradangan kronik boleh merosakkan sel dan tisu serta menyumbang kepada perkembangan penyakit kronik. VCO dapat membantu dalam mengurangkan keradangan, selain itu berupaya melegakan penyakit pernafasan seperti asma dan COVID-19.

[3] Antibakteria dan antivirus: VCO mempunyai ciri antibakteria dan antivirus yang membantu dalam mencegah dan mengurangkan jangkitan bakteria dan virus. VCO juga boleh digunakan sebagai ubat luka.

EXPERT COLUMN

VCO dan minyak sawit mempunyai ciri yang berbeza dengan fungsi yang berbeza. VCO lebih cenderung kepada perubatan, probiotik dan kosmetik, berbanding minyak sawit yang sesuai digunakan sebagai minyak masakan. VCO mempunyai kandungan yang tinggi dengan asid laurik dan bakteria asid laktik yang bermanfaat, berbanding minyak sawit yang mempunyai kandungan yang tinggi dengan dengan asid palmitik (44%) dan asid oleik (40%). Komponen VCO dan manfaat tambahan diringkaskan seperti berikut:

[1] Asid lemak rantai sederhana (MCFA): Asid Lemak adalah komponen utama VCO yang bertanggungjawab terhadap sifat fizikal minyak, seperti takat lebur dan keupayaannya untuk diserap oleh kulit. VCO kaya dengan asid lemak rantai sederhana (MCFA). Tidak seperti asid lemak rantai panjang (LCFA), MCFA tidak meningkatkan risiko penyakit kardiovaskular. MCFA mengawal metabolisme tenaga secara berbeza daripada LCFA, di mana ia lebih mudah diserap untuk digunakan oleh badan dan tidak disimpan dalam bentuk lemak. MCFA yang diserap secara langsung oleh usus kecil semasa metabolisme badan diangut ke hati untuk ditukarkan menjadi keton sebagai sumber tenaga, justeru pengambilan MCFA boleh membuatkan kita berasa cepat kenyang. Berlainan dengan LCFA yang perlu dipecahkan terlebih dahulu kepada molekul yang lebih kecil sebelum digunakan oleh badan, proses ini mengambil masa yang lebih lama. LCFA juga sering disimpan sebagai lemak dan boleh meningkatkan risiko penyakit jantung dan obesiti.

[2] Asid laurik: VCO diklasifikasikan sebagai minyak sayuran rantai sederhana kerana kandungan asid laurik yang membentuk separuh daripada asid lemak dalam VCO. Asid laurik dikelaskan di bawah MCFA. Kandungan asid laurik dalam VCO adalah yang tertinggi (54.06%) berbanding kandungan asid laurik minyak kelapa (0.45%) dan minyak sawit (0%). Asid laurik dalam VCO berpotensi untuk meningkatkan kolesterol HDL (baik), menurunkan kolesterol LDL (buruk), bersifat kardioprotektif, dan hipolipidemik. Saintis menyatakan tiada kaitan antara asid laurik dan kolesterol tinggi. Asid laurik turut mempunyai ciri antibakteria dan antivirus. Kesan antivirus VCO sebahagian besarnya dikaitkan dengan asid laurik dan derivatifnya. Struktur khas monoester asid laurik mampu memecahkan dinding luar virus, dengan itu menghalang pembebasan DNA virus berkenaan. Kajian yg dijalankan menunjukkan VCO boleh menghalang gandaan virus COVID-19 dan sesuai digunakan sebagai makanan tambahan semasa rawatan.

EXPERT COLUMN

[3] Bakteria asid laktik (LAB): Kaedah penapaian VCO menghasilkan bakteria asid laktik (LAB), yang boleh menghalang pertumbuhan bakteria patogen. Bakteria yang wujud secara semula jadi ini boleh menghasilkan asid laktik, iaitu pengawet semula jadi yang membantu memastikan makanan lebih tahan lama dan dapat mengelak daripada rosak. Bakteria asid laktik juga mempunyai sifat antibakteria, yang boleh membantu menghalang pertumbuhan bakteria patogen seperti *Pseudomonas aureus*, *Klebsiella*, dan *Staphylococcus aureus*.

[4] Sebatian fenolik: Paras sebatian fenolik dalam VCO adalah lebih rendah berbanding santan. Ini kerana kebanyakannya sebatian fenolik adalah hidrofilik yang boleh hilang semasa proses pengekstrakan VCO. Kajian menunjukkan VCO mempunyai ciri antioksida, anti-radang, dan perencutan karsinogenesis yang ditentukan oleh sebatian fenolik. Campuran sebatian fenolik di dalam VCO menunjukkan kesan sinergistik dalam aktiviti antioksida.

[5] Fitosterol: kandungan fitosterol dalam VCO adalah lebih tinggi berbanding santan atau minyak kelapa. Fitosterol adalah sebatian tumbuhan yang mempunyai struktur yang sama dengan kolesterol. Fitosterol boleh bersaing dengan kolesterol untuk penyerapan dalam usus, yang membantu menurunkan paras kolesterol darah. Fitosterol juga telah terbukti mempunyai manfaat kesihatan yang lain, seperti mengurangkan risiko penyakit jantung, strok, dan kanser.

[6] Sebatian organik meruap (VOC): Terdapat dua sumber utama sebatian organik meruap dalam VCO, iaitu daripada isi kelapa dan daripada pelbagai tindak balas fizikkimia atau tindakan mikrob semasa penghasilan dan penyimpanan VCO. Jenis dan kandungan sebatian organik meruap (VOC) adalah berbeza kerana kaedah pengekstrakan yang berbeza. VOC kompleks ini memberikan rasa dan aroma yang unik kepada VCO.

Sebagai kesimpulan, VCO adalah minyak serba boleh dengan pelbagai manfaat kesihatan dan rasa yang unik. Pelbagai komponen dalam VCO menentukan fungsinya yang kaya dan aroma yang unik. Kajian menunjukkan VCO tidak mempunyai risiko penyumbang kepada penyakit kardiovaskular. Namun pengambilan VCO secara sederhana adalah dianjurkan, di samping diet pemakanan sihat dan senaman rutin.

A bottle of oil next to a coconut Description automatically generated with medium confidence A coconuts and a bottle of oil Description automatically generated with low confidence A coconut oil and coconuts on a cutting board Description automatically generated with low confidence

VCO telah digunakan secara meluas kerana dipercayai mempunyai pelbagai manfaat berbanding minyak sawit dan minyak kelapa yang dihasilkan melalui proses pemanasan.

REFERENCES

- [1] Angeles-Agdeppa I, Nacis JS, Capanzana MV, Dayrit FM, Tanda KV. Virgin coconut oil is effective in lowering C-reactive protein levels among suspect and probable cases of COVID-19. *Journal of functional foods*. 2021;83:104557.
- [2] Ma ZF, Lee YY. Virgin coconut oil and its cardiovascular health benefits. *Natural Product Communications*. 2016;11(8):1934578X1601100829.
- [3] Ramya V, Shyam KP, Kowsalya E, Balavigneswaran CK, Kadalmali B. Dual roles of coconut oil and its major component lauric acid on redox nexus: focus on cytoprotection and cancer cell death. *Frontiers in Neuroscience*. 2022;16.
- [4] Suryani S, Sariani S, Earnestly F, Marganof M, Rahmawati R, Sevindrajuta S, Mahlia TM, Fudholi A. A comparative study of virgin coconut oil, coconut oil and palm oil in terms of their active ingredients. *Processes*. 2020;8(4):402.
- [5] Zeng YQ, He JT, Hu BY, Li W, Deng J, Lin QL, Fang Y. Virgin coconut oil: A comprehensive review of antioxidant activity and mechanisms contributed by phenolic compounds. *Critical Reviews in Food Science and Nutrition*. 2022;13:1-24.

SDG 3 - Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages

SDG 4 - Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all

Kenali kumpulan darah jenis jarang jumpa (rare blood)

Oleh: Muhammad Noor Haziq Ibrahim, Husnaida Abdul Manan



Dr. Muhammad Noor
Haziq Ibrahim



Dr. Husnaida Abdul Manan

Tahukah anda, selain kumpulan darah jenis A, B, O dan AB yang sering kita dengar, terdapat juga kumpulan darah jenis lain yang penting untuk diketahui tetapi jarang dijumpai atau disebut rare blood group?

Mengapa sesama kita mempunyai kumpulan darah yang berbeza? Hal ini kerana pada permukaan sel darah merah manusia, terdapat sejenis protein yang dikenali sebagai antigen. Sama ada anda mempunyai kumpulan darah jenis tertentu adalah bergantung kepada sama ada sel darah merah anda mempunyai antigen tertentu.

Kini, terdapat lebih 600 jenis antigen yang telah dikenal pasti, dan lebih banyak lagi bakal ditemui pada masa akan datang (1). Sebagai contoh, jika anda mempunyai darah jenis A, terdapat antigen A pada permukaan sel darah merah anda. Sekiranya antigen-antigen tersebut terdapat dalam kebanyakan individu, ia diklasifikasikan sebagai antigen kerap ditemui (high incidence antigen). Namun, sekiranya antigen-antigen itu jarang ditemui dalam kebanyakan individu, ia dikenali sebagai antigen jarang ditemui (low incidence antigen).

Darah jarang jumpa ialah kumpulan darah yang terdapat pada kurang daripada satu dalam setiap 1000 individu populasi sesebuah masyarakat (2). Ia termasuklah individu yang darahnya tidak mempunyai antigen yang kerap ditemui atau mempunyai antigen jarang ditemui. Antara contoh darah jarang jumpa ialah darah jenis Bombay, Rh17, RZRZ, Rh null, Jk3, Indian b- dan KK. Rujuk infografik.

Individu yang mempunyai darah jarang jumpa biasanya dapat dikesan melalui ujian kumpulan darah yang dilakukan semasa individu berhasrat untuk menderma darah. Selain itu, individu ini juga dapat dikesan melalui ujian saringan darah yang dilakukan kepada pesakit di hospital atau semasa pemeriksaan awal ibu mengandung. Pihak tabung darah hospital akan merekod maklumat penderma darah jarang jumpa ini dan maklumat ini juga turut dihantar ke Pusat Darah Negara untuk disimpan dalam registri peringkat kebangsaan (3).

EXPERT COLUMN

JOM KENALI DARAH JENIS JARANG JUMPA (RARE BLOOD)

APA ITU DARAH JENIS JARANG JUMPA?



Darah jarang jumpa ialah kumpulan darah yang terdapat pada kurang dari satu dalam setiap 1000 individu populasi sesebuah masyarakat



Contoh darah jarang jumpa:
Bombay, Parabombay Rhnull, RZRZ, Jk3, Rh17



Maklumat individu darah jarang jumpa disimpan dalam registri kebangsaan



Darah jarang jumpa boleh dibekukan dan disimpan selama 10 tahun

BAGAIMANA DARAH JENIS JARANG JUMPA DIKESAN?



Semasa pendermaan darah



Ujian saringan darah pesakit di hospital



Ujian antenatal ibu mengandung



Penderma darah jarang jumpa digalakkan untuk menderma darah secara berkala untuk memastikan bekalan darah yang mencukupi

Jom kenali darah jarang jumpa

EXPERT COLUMN

Kini, terdapat lebih 600 jenis antigen yang telah dikenal pasti, dan lebih banyak lagi bakal ditemui pada masa akan datang

Selain daripada itu, kad khas akan diberikan kepada individu tersebut sebagai panduan sekiranya individu tersebut berhasrat menderma darah pada masa akan datang atau dimasukkan ke hospital atas sebab-sebab tertentu yang memerlukan bekalan darah disediakan untuk dirinya. Maklumat yang disimpan dalam registri kebangsaan menjadi sangat penting jika berlakunya keperluan mendesak kumpulan darah jenis jarang jumpa di mana-mana hospital di seluruh negara kerana pihak tabung darah boleh menghubungi penderma darah yang bersesuaian untuk menderma darah di hospital yang berdekatan.

Tambahan lagi, tabung darah yang mempunyai kemudahan fasiliti membekukan darah selalunya akan meminta penderma darah jenis jarang jumpa ini untuk menderma darah mereka untuk tujuan penyimpanan jangka masa panjang (reserve) agar darah jenis jarang jumpa ini sentiasa tersedia sekiranya ada keperluan mendesak (4). Darah yang beku boleh dicairkan kembali dan kemudiannya diberikan kepada pesakit yang memerlukan (5).

Umum mengetahui, kumpulan darah seseorang individu adalah diwarisi secara genetic daripada ibubapa, dan beberapa jenis kumpulan darah jenis jarang jumpa lebih mudah ditemui dalam sesbuah kumpulan etnik berbanding yang lain (5). Ini bermaksud individu yang mempunyai kumpulan darah jenis jarang jumpa mungkin mempunyai dalam ahli keluarga mereka yang memiliki darah jenis yang sama. Sekiranya individu ini dikesan mempunyai darah jenis jarang jumpa, pihak tabung darah akan melakukan saringan keluarga atas sebab ini.



Seorang penderma darah yang berasal dari Terengganu yang mempunyai darah jarang jumpa Rhnull

Pendermaan darah merupakan suatu proses kritikal yang boleh menyelamatkan nyawa. Bekalan darah yang berterusan di hospital adalah penting bagi memastikan rawatan segera bagi masalah pendarahan terutamanya dalam situasi kecemasan seperti kemalangan dan komplikasi bersalin; bagi rawatan pesakit yang memerlukan transfusi darah secara berkala seperti pesakit thalasemia, kanser, bayi pramatang, kegagalan buah pinggang dan pesakit yang menjalani pembedahan major. Darah yang dibekalkan kepada pesakit mestilah tepat, sesuai dan serasi untuk mengelakkan reaksi yang boleh membahayakan nyawa pesakit. Jika pesakit tersebut memiliki darah jenis jarang jumpa, ia boleh menimbulkan cabaran dalam transfusi darah kerana sukarnya mencari penderma darah yang sesuai. Oleh hal yang demikian, individu yang mempunyai darah jenis jarang jumpa amat digalakkan untuk menderma darah mereka secara berkala bagi memastikan bekalan darah jenis ini mencukupi saat diperlukan.

Keperluan bagi kumpulan darah jenis jarang jumpa, disebabkan oleh sifat keberadaan darah itu sendiri, adalah jarang berlaku. Namun, apabila keperluan timbul, bagi pesakit yang darahnya tidak serasi dengan darah penderma yang sedia ada, ketersediaan darah jenis jarang jumpa sudah pasti membantu menyelamatkan nyawa.

REFERENCES

1. FINDING RARE DONORS [Internet]. Available from: <http://www.isbtweb.org/working-parties/rare-donors>
2. Tanaka E, Kusumi T, Takahashi H, Hirashima M, Tanaka M, Kimura K, et al. Defining and finding the rare donor. ISBT Sci Ser. 2014 Jul;9(1):168–70.
3. Immunohematology [Internet]. 2004. Available from: www.redcross.org/pubs/immuno
4. Anstee D, Levene C, Mallory D, Overbeeke M, Poole J, Reid M, et al. Rare Blood. An ISBT Working Party Report on Rare Blood Donors. Vox Sang. 1999 Aug;77(1):58–62.
5. Nance S, Scharberg EA, Thornton N, Yahalom V, Sareneva I, Lomas-Francis C. International rare donor panels: A review. Vox Sang. 2016 Apr 1;110(3):209–18.

SDG 3 - Ensure healthy lives and promote well-being for all at all ages

SDG 4 - Ensure inclusive and equitable quality education and promote lifelong learning opportunities for all

EXPERT COLUMN

The Surprisingly Positive Effects of Blood Donation

Oleh: Dinesh Parakash A/L Subramaniam and Sharifah Azdiana Tuan Din




Dinesh Parakash A/L Subramaniam and Sharifah Azdiana Tuan Din
Transfusion Medicine, Advanced Medical and Dental Institute, USM

In Malaysia, the national use of blood averaged out to be about 2,000 units per day (1). In other words, there's a lot of blood needed! Blood transfusion is crucial for saving patients from different life threatening conditions such as severe motor vehicle accidents, cancer and other surgery. In reality, there is no substitute for blood, albeit living in advanced medical society today. Therefore, we largely depend on blood donors to help medical fraternity to provide lifelines to needy patients.

Are you one of the many of those who have fears and doubts in donating blood? Don't worry there are multiple steps taken to ensure the safety of donors. It starts with the pre-donation questionnaire, haemoglobin check, weight and blood pressure assessment and then followed by pre-donation counselling by a trained medical personnel. Even after the completion of blood donation, the donors are requested for mandatory rest prior to leaving in addition to the refreshments provided. You should read on why you should pop over to a blood donation drive the next time you see one! We have listed down several benefits of donating blood.

a. Save lives

3 lives can be saved with each unit of blood donated. Blood transfusions are useful in condition where immediate blood transfusion is needed.



b. Malaysia blood donor privilege

Do you know? In Malaysia, blood donors enjoy different medical benefits depending on the number of times they have donated their blood. The benefit can be referred to in the table below.

Donation Frequency	Blood Donor Privilege
1 time	Free outpatient treatment and medical treatment (excluding X-ray and surgical charges) and <u>second-class</u> wards for a period of * 4 months.
2 times (within 12 months)	Free Hepatitis B preventive injection
2 ~ 5 times	Free outpatient treatment and medical treatment and <u>second-class</u> wards for a period of * 4 months.
6 ~ 10 times	Free * 1 year outpatient treatment and <u>second-class</u> medical treatment for a * 6 month period.
11 ~ 15 times	Free * 2 year outpatient treatment and medical treatment and second class wards for a * 1 year period.
16 ~ 20 times	Free outpatient treatment and medical treatment and <u>second-class</u> wards for a * 2 year period.
21 ~ 30 times	Free outpatient treatment and medical treatment and <u>second-class</u> wards for a period of * 3 years.
31 ~ 40 times	Free outpatient treatment and medical treatment and <u>first-class</u> wards for a period of * 4 years.
41 ~ 50 times	Free outpatient treatment and medical treatment and <u>first-class</u> wards for a period of * 5 years.
Over 50 times (for "Whole Blood") and Over 150 times (for apheresis donors)	Free outpatient treatment and first-class medical treatment and wards for 10 years and second-class wards of life after 10 years in first-class ward.

Table adapted from UMMC(2)

c. Burn calories

Yes! Blood donation can help to get rid of calories! Of course, you won't be slim after doing this, however research has shown that donating 568ml (1 pint) of blood can burn up to 650 calories (3).



d. Better cardiovascular health

Yes! Researchers have determined that blood donation had a long-term protection against cardiovascular disease (4).

e. Lower risk of getting cancer

If you donate blood, your body will have less iron to store. Studies have linked iron to free radicals that might cause cancer. Research has shown that the risk of cancer was reduced for those who donate blood 2 times a year compared to those who did not donate (5).

f. Promote Blood Cell Development

Your body's natural response to blood donation is to begin replacing the blood it has lost. This will help keep you healthy by increasing the rate at which new blood cells are produced in your bone marrow.

g. Maintain blood iron level

Haemoglobin, which is part of our blood, is made of iron. When there is too much iron in the body, it can build up in different organs and change how they work. So, by donating blood, not only do we achieve a balanced iron level in our body but we also help other people along the way !!

Donating blood benefits both donors and receivers, therefore why not? Let's become one of the blood donors today!

References:

1. Bernama. Blood supply sufficient, but constant supply of donations still required [Internet]. NST Online. 2022 [cited 2022 Dec 31]. Available from: <https://www.nst.com.my/news/nation/2022/09/830711/blood-supply-sufficient-constant-supply-donations-still-required>
2. Official Portal University Malaya Medical Centre [Internet]. [cited 2022 Dec 31]. Available from: <https://www.ummc.edu.my/pesakit/blood-PRIVILEGE.aspx?kodBM=>
3. Shea S, Giles S. An intercultural and semi-confessional reflection on blood donation. CMAJ Can Med Assoc J [Internet]. 2010 Dec 14 [cited 2022 Dec 31];182(18):2008–9. Available from: <https://www.ncbi.nlm.nih.gov/pmc/articles/PMC3001512/>
4. Salonen JT, Tuomainen TP, Salonen R, Lakka TA, Nyyssönen K. Donation of blood is associated with reduced risk of myocardial infarction. The Kuopio Ischaemic Heart Disease Risk Factor Study. Am J Epidemiol. 1998 Sep 1;148(5):445–51.
5. Zacharski LR, Chow BK, Howes PS, Shamayeva G, Baron JA, Dalman RL, et al. Decreased Cancer Risk After Iron Reduction in Patients With Peripheral Arterial Disease: Results From a Randomized Trial. JNCI J Natl Cancer Inst [Internet]. 2008 Jul 16 [cited 2022 Dec 31];100(14):996–1002. Available from: <https://doi.org/10.1093/jnci/djn209>

Are We Eating Microplastics?

Oleh: Nurul Shahfiza Noor



Dr. Nurul Shahfiza Binti Noor

What's for dinner? Lego sushi, credit card burgers, or a well-done piece of PVC pipe? These might be extreme examples, but they can readily illustrate the total amount of small plastic particles that humans consume each day over time.

A study by the University of Newcastle reported that an average adult could consume about 5 g of plastic (approximate equivalent to a credit card) weekly from a variety of commonly eaten foods and beverages. In addition, there is increasing evidence supporting that microplastics could be ingested by animals and humans via food chains. In Malaysia, microplastics are detected in some commercial fish species, which may pose potential health concerns to consumers (Karbalaie et al., 2019). Whereby, aquatic and seafood products are important protein sources and dietary component of many Malaysians with reports of per capita consumption of fish of 58 kg per person.

One of the major global environmental issues often discussed and brought up by many governments in the world today is microplastic pollution. Microplastic pollution causes severe harm to biodiversity, especially aquatic organisms as million tons of these plastic wastes able to migrate, accumulate and proliferate within the natural habitat, especially within the aquatic environment from the flowing rivers to the ocean surface and within the ocean's seabed. These activities severely threatens the well-being and preservation of the aquatic environment (Cole et al., 2011). The big plastic debris undertakes various degradation processes and fragmentation by UV solar radiation to breakdown. Consequently, it forms smaller tiny pieces of plastic fragments within the aquatic environment (Ivar do Sul & Costa, 2014). These including polyester, polycarbonate, polypropylene (PP), polyamide, polyvinyl alcohol, polyvinyl chloride (PVC) and polyethylene (PE) are the common polymers in microplastics found in the environment. These particles can be shifted within the food chains and, eventually, the food webs as well.

EXPERT COLUMN

One of the major global environmental issues often discussed and brought up by many governments in the world today is microplastic pollution.

There are three kinds of potential health hazards associated with microplastic ingestion that has been identified by Ma et al., (2020). These are chemical, physical particles and microbial pathogens. Firstly, plastics can leach estrogenic-like chemicals (e.g., bisphenol-A or BPA) when exposed to a certain temperature and/or sunlight (UV radiation). These estrogenic chemicals mimic the actions of naturally occurring oestrogens, which subsequently disrupt the endocrine activity with resulting metabolic disorders including obesity and diabetes. In addition, microplastics can absorb and bind harmful additives and monomers including organic pollutants that are present together with microplastics in the environment. In mammals, these chemicals found in plastics are associated with increased risk of obesity, some forms of cancers e.g., breast cancer, low sperm count in males and early puberty in females. We can postulate that similar adverse consequences are mostly likely found in humans because endocrine system is highly conserved across all vertebrate classes. However, confirmatory studies are greatly needed.

Secondly, as a physical particle, after ingestion, some microplastics may pass through the gastrointestinal (GI) tract and are excreted through defecation. However, microplastics may potentially accumulate and cause mechanical or physiological disruption to the GI tract and elsewhere. Microplastics may be translocated through blood or lymph to the cardiovascular and respiratory systems causing adverse health consequences. For instance, accumulation of microplastics in the circulatory system has been shown to block blood flow and subsequently cause severe damage to the cardiac tissue and its activity. In addition, a study has found that inhalable microplastics may also reach the lung alveoli, causing inflammation of the respiratory tract and cardiovascular diseases.

Thirdly, microplastics has been shown to induce gut microbiota dysbiosis in fishes and dysbiosis can interfere with the immune system and trigger life-threatening diseases including infection and death. Although, the adverse health consequences of short- and long-term microplastic ingestions in humans are not well studied, it is important to be aware that the adverse consequences from microplastic ingestion may depend on the type of microplastics and exposure (i.e. dose-dependent).

Therefore, supporting policies that seek to limit single-use plastics is always important.

Tahukah anda apakah Autisme Spectrum Disorder (ASD)?

Oleh: Nur Arzuar Abdul Rahim



Dr. Nur Arzuar Abdul Rahim
Jabatan Perubatan Klinikal, IPPT

Apa itu Autisme

Autisme merupakan masalah berkaitan perkembangan otak kanak-kanak yang melibatkan 2 komponen utama iaitu kanak-kanak yang mengalami kesukaran bersosial dan berkomunikasi dan kanak-kanak tersebut juga mempunyai corak tingkahlaku, minat atau aktiviti yang berulang-ulang dan terhad (Early Autism Project (EAP) Malaysia, 2023). Selain itu kanak-kanak ini turut mengalami masalah berkaitan deria sensori dan turut mempunyai perlakuan yang sterotaip.

Terdapat pelbagai sebab kenapa diagnosis Autisme ini makin kerap kita dengar dalam kalangan masyarakat. Pertamanya kerana peningkatan kesedaran umum berkaitan keadaan ini yang menyebabkan para ibu bapa segera mendapatkan perawatan dan intervensi awal untuk anak mereka. Miskipun penyebab Autisme masih belum diketahui, kajian penyelidikan yang dijalankan mendapati faktor-faktor risikonya melibatkan unsur genetik, persekitaran, interaksi genetik dan juga epigenetik. Terdapat juga faktor lain yang meningkatkan risiko Autisme seperti umur ibubapa yang telah lanjut semasa kelahiran bayi berkenaan, latar belakang masalah kesihatan ibu semasa mengandung seperti insiden jangkitan kuman ketika ibu mengandung atau masalah kencing manis. Kelahiran bayi pra-matang dan juga kurangnya berat badan bayi semasa lahir atau "low birth weight" turut meningkatkan risiko autisme. Vaksin seperti MMR sebenarnya tidak menyebabkan autisme.

Tanda-tanda Autisme

Kekurangan interaksi sosial dan emosi.

Secara umumnya kanak-kanak autisme tidak mengenali atau dapat memahami perasaan orang lain. Mereka tidak berminal untuk berkongsi pengalaman atau perasaan. Tidak mengadu kepada ibubapa walaupun sedang kesakitan atau kelihatan seolah-olah kuat tidak berasa sakit. Mereka tidak memberi sapaan apabila mula berjumpa sesiapa atau apabila hendak berpisah. Mereka tidak suka dipeluk atau memeluk orang lain. Mereka senang menggunakan tangan seseorang sebagai alat untuk mendapatkan sesuatu. Kadang-kadang mereka akan menyentuh atau mendekati orang yang tidak dikenali. Mereka juga bercakap dan berkata-kata namun bukan untuk berkomunikasi, tetapi sebaliknya lebih kepada menamakan sesuatu objek. Selain itu mereka juga tidak atau kurang bertutur secara dua hala dengan orang lain. Mereka juga tidak memahami apa yang sepatutnya dilakukan di dalam konteks sosial ataupun susah untuk menyesuaikan diri dengan jangkaan sosial. Kita juga boleh mendapati mereka tidak mengajuk perlakuan atau "role play" ibubapa contohnya aktiviti menyapu sampah.

Kesukaran Berkommunikasi bukan lisan (non-verbal communication)

Antara ciri yang paling kerap dilihat dalam kalangan kanak-kanak autisme adalah mereka kurang pandangan mata (poor eye contact) dengan orang lain ketika kita berkomunikasi dengan mereka. Mereka tidak menudung jari untuk menunjukkan sesuatu. Kadang-kadang mereka bercakap dengan cara yang ganjil dari segi intonasi, "pitch", atau kekuatan bunyi suara. Kita juga boleh memperhatikan postur badan mereka atau cara membawa diri yang statik dan agak berlainan berbanding kanak-kanak sebaya.

Kesukaran membina dan memupuk tali perhubungan berse-suaian tahap umur

Kanak-kanak autisme sukar mempunyai kawan atau tidak ramai kawan. Mereka dilihat tidak berminat atau tidak tahu bagaimana nak berkawan. Mereka lebih suka menyendiri dan sukar bergaul dengan kanak-kanak lain. Ini menyebabkan mereka sering tersisih atau dipulaukan oleh rakan sebaya. Oleh sebab yang demikian, kita akan dapat memperhatikan mereka lebih suka berkawan dengan kanak-kanak yang lebih muda atau lebih tua darinya ataupun dengan orang dewasa. Apabila bermain pula, mereka tidak tahu bermain olok-olok dan jika bermain, cara bermain mereka juga agak terhad dan berulang. Mereka juga tidak bermain, menggunakan watak sosial atau "role play" contohnya bermain guru dan anak murid dan sebagainya.

Corak tingkah laku, Pertuturan, minat atau aktiviti yang berulang dan terhad, serta masalah deria sensori dan perlakuan sterotaip

Dari segi corak tingkah laku, kanak-kanak autisme mempunyai cara pergerakkan, pertuturan dan cara bermain yang berulang-ulang dan sterotaip. Mereka sering melakukan pergerakkan badan yang berulang-ulang dan sterotaip contohnya berpusing badan "spining", berjalan ke hulu ke hilir, "rocking" atau berjalan berjinjit (tip toeing).

EXPERT COLUMN

Dari segi corak tingkah laku, kanak-kanak autisme mempunyai cara pergerakkan, pertuturan dan cara bermain yang berulang-ulang dan sterotaip.

Kadang-kadang mereka melakukan pergerakkan tangan yang luar biasa apabila mereka teruja, berperasaan gembira atau resah contohnya bertepuk tangan, mengepak-ngepak lengan atau mengibas-ngibas tangan "hand flapping". Antara ciri lain yang sering diperhatikan adalah, mereka sangat patuh kepada rutin dan perbuatan harian "ritual" dan tidak fleksibel dan sukar diubah "rigidity". Sebagai contoh, jika ibu bapa sering melalui jalan A untuk ke nurseri dan hari tersebut ibu bapa mengambil jalan pintas yang tidak biasa dilalui, maka kanak-kanak tersebut akan "mengamuk" kerana jalan yang salah dan diluar kebiasaan mereka. Kerap kali kita boleh melihat mereka gemar mengatur mainan atau barang-barang mereka dalam satu baris secara berulang kali. Penggunaan alat permainan berulang-ulangkali seperti memutarkan benda bulat contohnya tayar kereta mainan secara berulang-ulang. Mereka juga mempunyai minat yang sangat terhad dan fokus yang keterlaluan pada sesuatu yang mereka minat. Jika mereka gemar dengan sesuatu objek, mereka sentiasa akan memegang objek tersebut ke mana sahaja. Aktiviti dan minat mereka juga senang untuk dijangka kerana mereka hanya mahu melakukan aktiviti yang sama contohnya bermain dengan objek yang disukai sahaja.

Mereka juga mempunyai masalah deria sensori, sama ada terlalu sensitif atau berkurangan. "Echolalia" merupakan terma yang merujuk kepada perbuatan mengajuk pertuturan yang sama atau serta-merta atau mungkin dikemudian perbualan. Ibubapa atau penjaga boleh memperhatikan ciri echolalia pada kanak-kanak autisme. Selain itu, mereka biasa menggunakan bahasa sendiri yang tidak difahami oleh orang lain. Kadang-kadang mereka menggunakan loghat bahasa Inggeris atau "accent" contohnya British accent or American accent.

Ciri-ciri lain yang kerap dilihat pada Kanak-kanak Autisme

Antara ciri-ciri lain yang sering dilaporkan oleh ibu bapa kanak-kanak Autisme adalah, mereka seperti tidak mendengar atau pekad dan tidak memberikan respon ketika dipanggil. Mereka mempunyai sejarah lambat bercakap atau tidak bercakap langsung pada usia 2 tahun. Selain itu daya tumpuan mereka juga kurang atau "poor attention span". Mereka boleh menjadi terlalu aktif atau terlalu pasif. Mereka juga kerap menunjukkan perangai "tantrum" tanpa sebab yang boleh menyebabkan ibubapa sukar membawa mereka keluar rumah. Adakalanya mereka bercakap sendirian atau gelak sendirian. Kadang-kadang ada dalam kalangan mereka nampak seperti sangat berani atau terlebih penakut. Mereka sukar diajar menggunakan gaya pengajaran biasa seperti kanak-kanak sebaya yang lain.

Tahap Kesukaran Kanak-kanak Autisme

Setiap kelainan atau kesukaran bagi kanak-kanak Autisme boleh di bahagikan kepada 3 tahap iaitu, tahap ringan, tahap sederhana dan tahap teruk. Bagi tahap ringan, aktiviti harian atau fungsi hariannya kurang terjejas, contohnya, mereka masih boleh bercakap menggunakan ayat, walaupun ayat pendek. Bagi tahap sederhana pula, kanak-kanak tersebut akan mengalami sedikit terjejas pada fungsi aktiviti hariannya, contohnya, mereka mempunyai interaksi sosial yang terhad. Bagi tahap yang teruk pula, fungsi aktiviti harian mereka terjejas dengan ketara walaupun mendapat sokongan, contohnya mereka tidak dapat bertutur langsung.

Masalah-masalah lain yang mungkin ada pada kanak-kanak Autisme adalah seperti masalah ADHD, masalah kekurangan daya intelek, masalah kelewatian atau kesukaran bertutut, masalah kesihatan mental seperti kemurungan atau masalah kesihatan yang melibatkan saraf (neurologi) seperti sawan atau epilepsi. Walau bagaimanapun tidak semua mereka mempunyai masalah ini. Setiap kanak-kanak Autisme adalah berbeza, tidak sama. Malah masing-masing mempunyai keunikkan diri mereka sendiri dari segi penampilan masing-masing.

Diagnosis Autisme

Ketika ini, tiada ujian perubatan khas seperti ujian darah, pengimejan dan sebagainya yang dapat digunakan untuk mengesahkan autisme. Diagnosis masalah autisme hanya dapat dilakukan secara pemeriksaan klinikal iaitu berdasarkan pemerhatian dan rekod tingkah laku komunikasi dan tahap perkembangan kanak-kanak. Ia biasanya dilakukan oleh pakar pediatrik umum, pakar pediatrik perkembangan kanak-kanak, pakar psikiatrik kanak-kanak dan remaja atau pegawai psikologi klinikal kanak-kanak. Apa yang ibubapa buleh lakukan adalah memantau perkembangan anak masing-masing menggunakan senarai semak perkembangan kanak-kanak yang ada dalam buku pemantauan kanak-kanak yang diberikan pada setiap anak-anak yang dilahirkan di hospital di Malaysia. Pengesanan awal sebenarnya amat penting bagi membolehkan rawatan dimulakan seawal mungkin. Intervensi awal amat penting kerana ia boleh membantu mengurangkan gejala autisme selain dapat menyokong perkembangan kanak-kanak paling optimum serta memberi mereka peluang untuk berfungsi dengan paling baik. Intervensi awal juga boleh membantu otak kanak-kanak ini berkembang kerana dipengaruhi dengan cara yang positif.

Secara kesimpulannya, adalah penting ibu bapa dan penjaga kanak-kanak untuk sensitif dengan tanda-tanda dan perkembangan yang dibincangkan diatas. Sebarang kekeliruan boleh segera merujuk kepada doktor perubatan untuk kepastian dan pemantauan. Intervensi awal amat penting kerana ia membantu perkembangan kanak-kanak.

REFERENCE

1. Early Autism Project Malaysia Sdn. Bhd. (2023). Apa itu Autisme, Retrieved by 20 February 2023 from <https://www.autismmalaysia.com/ms/apa-itu-autisme/>

EXPERT COLUMN



Infografik : Ciri-Ciri Autisme

Kanser kepala dan leher: kesedaran ke arah kualiti kehidupan yang lebih baik

Oleh: Muhamad Yusri Musa

April adalah Bulan Kesedaran Kanser Kepala dan Leher, inilah masanya untuk meningkatkan kesedaran tentang tanda-tanda, gejala, dan faktor risiko kanser ini. Kanser kepala dan leher merujuk kepada sekumpulan kanser dalam kawasan kepala dan leher seperti mulut, tekak, peti suara, hidung, sinus, telinga, leher dan kelenjar air liur. Menurut Persatuan Kanser Amerika (American Cancer Society, 2022), kira-kira 65,000 orang di Amerika Syarikat akan didiagnosis dengan kanser kepala dan leher pada tahun 2023, dan kira-kira 14,000 akan mati daripadanya. Manakala di Malaysia, kumpulan kanser ini merupakan antara 5 kanser utama yang paling kerap berlaku dalam kalangan penduduk negara ini dan kanser nasofarinks mencatat bilangan tertinggi iaitu 4.6 peratus daripada keseluruhan kanser (Sung, H., et al.).

Beberapa faktor risiko yang biasa untuk kanser kepala dan leher adalah penggunaan tembakau (merokok), penggunaan alkohol, jangkitan human papillomavirus (HPV) dan Ebstein Barr virus (EBV), pendedahan kepada bahan kimia atau radiasi tertentu, dan kebersihan mulut yang buruk. Antara gejala (symptom) yang kerap dikaitkan dengan kanser ini ialah benjolan atau bengkak di leher atau muka, kesukaran menelan atau bernafas, serak atau perubahan suara, , sakit telinga atau kehilangan pendengaran, ulcer mulut yang berpanjangan dan pendarahan atau sakit di dalam mulut.



Dr. Yusri menyampaikan ceramah Kesedaran Kanser Kepala dan Leher di Hospital Kulim pada 6 April 2023

Jika anda mempunyai mana-mana gejala atau faktor risiko, anda perlu berjumpa dengan doktor anda secepat mungkin. Pengesanan dan rawatan awal dapat meningkatkan peluang anda untuk dirawat untuk mencapai kesembuhan dengan kualiti hidup yang baik. Anda juga boleh mengambil langkah-langkah untuk mencegah kanser kepala dan leher dengan berhenti merokok atau mengunyah tembakau, berhenti pengambilan alkohol, mendapatkan vaksin terhadap HPV, melindungi diri anda daripada pendedahan cahaya matahari yang berlebihan dan mengekalkan kesihatan mulut yang baik. Ingat, April adalah Bulan Kesedaran Kanser Kepala dan Leher. Mari sebarkan berita, maklumat dan membantu meningkatkan tahap kesembuhan daripada kanser ini.

Di Pusat Perubatan USM Bertam (USM Bertam Medical Centre) pelbagai bentuk rawatan dan kepakaran disediakan untuk merawat pesakit-pesakit kanser kepala dan leher yang dirujuk ke sini. Diantara kemudahan yang disediakan ialah radioterapi, brakiterapi, kemoterapi, pembedahan, pembersihan dental (dental clearance), simulasi CT, pengimejan diagnostik, SPECT CT dan rawatan radio-iodin serta kemudahan sokongan berkaitan. Rawatan brakiterapi yang disediakan di PPUSMB merupakan antara yang terbaik di dunia melalui pengiktirafan yang diberikan oleh BrachyAcademy iaitu sebuah institusi antarabangsa yang berpangkalan di Amsterdam, Belanda (Universiti Sains Malaysia, 2022). PPUSMB merupakan satu-satunya pusat perubatan di Malaysia yang menawarkan teknik ini untuk rawatan kanser kepala dan leher dan mula ditawarkan sejak tahun 2018.

Sebagai kesimpulan, peningkatan kesedaran terhadap kanser kepala dan leher akan meningkatkan tahap pengesanan awal pesakit dan ini akan memberi peluang untuk sembah bersama kualiti hidup yang lebih baik.

REFERENCES

1. American Cancer Society (2022). Head and Neck Cancers. Retrieved April 10, 2023, from www.cancer.org/cancer/head-neck-cancer.html.
2. Sung H, Ferlay J, Siegel RL, Laversanne M, Soerjomataram I, Jemal A, Bray F. (2021). Global Cancer Statistics 2020: GLOBOCAN Estimates of Incidence and Mortality Worldwide for 36 Cancers in 185 Countries. CA Cancer J Clin. May;71(3):209-249.
3. Universiti Sains Malaysia (2022). BrachyAcademy. Retrieved April 10, 2023, from <https://www.brachyacademy.com/centres/universiti-sains-malaysia-usm/>



Kanser lidah dalam proses rawatan brakiterapi

Safety Data Sheet (SDS) and why is it relevant to you?

Oleh: Maisarah Nasution Waras, OSHE IPPT Unit

If you are using chemicals at your workplace, you are most likely at risk to be exposed to the substance/s that you are handling. Exposure to chemicals can lead to variety of injuries and illnesses including burns, rashes, systemic damage, and cancer. For example, long-term exposure to benzene can cause leukemia and cancer of the blood-forming organs.

As one of the ways to control the exposure to chemicals, suppliers are required to provide you with relevant information that is usually compiled in a document named "safety data sheet" (SDS). With the information that are supplied through this document, you may be able to assess and control the risks of exposure to the chemicals that you are handling. In Malaysia, it is the responsibility of suppliers to make SDS available to users. This requirement is clearly stipulated in the CLASS regulations (Occupational Safety and Health (Classification, Labeling and Safety Data Sheet of Hazardous Chemicals) Regulations 2013). According to this regulation, the latest SDS should be made available by the supplier when you purchased a chemical or product and it is the right of the user to request SDS from the supplier.

As mentioned above, SDS is a document produced when a product was first entering the market. You may equate this document as the "birth certificate" of any products that consist of one or many chemicals. If a supplier produced a solvent called methanol, there should be an SDS for methanol by the supplier. In another example, if a supplier produced a paint product that consist of many components or chemicals, there should also be an SDS listing each of the chemicals in the said product.

In the "birth certificate" aka the SDS, a concept in chemical management that uses the phrase "from cradle to grave" is applied. Simply put, the SDS should list specific information from the origin of the said chemical up to the information to dispose them accordingly. According to the CLASS Regulations 2013, the information in the SDS should consist of 16 parts as follows:

- 1- Identification of the hazardous chemical and of the supplier
- 2- Hazard identification
- 3- Composition and information of the ingredients of the hazardous chemical
- 4- First-aid measures
- 5- Fire-fighting measures
- 6- Accidental release measures
- 7- Handling and storage
- 8- Exposure controls and personal protection
- 9- Physical and chemical properties
- 10- Stability and reactivity
- 11- Toxicological information
- 12- Ecological information
- 13- Disposal information
- 14- Transportation information
- 15- Regulatory information
- 16- Other information.

EXPERT COLUMN



A worker in PPE handling chemicals in a workplace

As an end user, it is recommended but (not limited) for you to focus on the following information from SDS as stated below.

- 1- The name of the product/chemical and its composition from Part 1
- 2- How to control exposure from Part 7 and Part 8
- 3- Personal protection equipment (PPE) from Part 8
- 4- How to safely store the chemicals/product from Part 7
- 5- How to dispose the chemicals/product from Part 13, and last but not least,
- 6- First aid information and firefighting information from Part 4 and 5

So, what is next for you?

- 1- For all the chemicals or products that you are currently using, please ensure that you have the LATEST SDS from the supplier if you haven't done so (at least not older than 5 years).
- 2- SDS also should be made available preferably at the workplace where the chemical is being used for all the chemical handler all the time.
- 3- Make sure you read and understand the SDS to ensure that you are handling the chemicals or products safely.
- 4- If you are a supervisor, you need to ensure that your students/employee understand and know the specific hazard and risks and how to manage the exposure to the chemicals being used. According to Occupational Safety and Health Act 2022, it is the responsibility of the employer to ensure so far as is practicable, the safety, health, and welfare at work of his employees.
- 5- If you need further guidance or understanding of this topic, please contact your lab manager and/or OSHE IPPT Unit (OSHEIPPT@usm.my)

Reference:

Occupational Safety and Health (Classification, Labeling and Safety Data Sheet of Hazardous Chemicals) Regulations 2013.

SPECIAL FEATURES

Jan - Jun 2023
Events & Activities

Jun 19 2023	2nd IPPT-USM Oral Cancer Rehabilitation Updates	Mac 16 2023	Master Student Needed!
Jun 9 2023	Pengarah IPPT Kendalikan Bengkel Semakan Dan Penasihatian Untuk Permohonan Kenaikan Pangkat Ke Gred Profesor Madya	Mac 16 2023	Special Class Zafina Fitness & Salsation Fitness
Jun 13 2023	Fitness Dance Back to Back Class Salsation & Aerodance	Feb 28 2023	USM IPPT Launches Continuous Education Programme In The Field Of Biomedical Sciences
Mei 30 2023	Research On The Go with USM Library	Feb 27 2023	JOM! Sertai Pertandingan Virtual Reality (VR) Photography Contest 2023
Mei 3 2023	Announcing Virtual Reality (VR): full package apps in 2023	Feb 21 2023	Penerbitan AMDI Magazine - 2022, vol 3, issue 2
April 17 2023	Sampul Duit Raya USM Edisi Terhad	Feb 18 2023	Program Khatan @Pusat Perubatan USM Bertam
April 6 2023	Jom Dapatkan Promosi Sampul Duit Raya #supportlokal jualan produk CBO	Feb 20 2023	Perkhidmatan VIRTUAL REALITY @Perpustakaan IPPT, USM
Mac 27 2023	Jom Berkunjung ke Mini Bazar Ramadhan "BIQZA'S CAFE" di Sains@Bertam IPPT USM	Jan 30 2023	Jom Iklan !! Ruang Iklan Untuk Disewa
		Jan 18 2023	New Books Arrival @AMDILib, IPPT USM



SPECIAL FEATURES

Jan - Jun 2023

MedTalks@AMDI

PM DR. BAKIAH SHAHARUDDIN



Jenis-Jenis Payudara Palsu

PM DR. BAKIAH SHAHARUDDIN



Bra Mastektomi bagi Pesakit Kanser Payudara

Intern Talk

INTERN TALK
Nur Alia Zulaikha Harishardy
Teknologi Maklumat (Teknologi Digital)
Politeknik Metro Taek Gelugor
Internship Placement :
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan (BPJ)
IPPT, USM

INTERN TALK
Nuralya Natasha Yusnizam
Bachelor Degree In Computer Science
UITM Tapah, Perak
Internship Placement :
Unit Aplikasi, IT@AMDI

INTERN TALK
Nurul Asyiqin
Bachelor Degree In Computer Science
UITM Tapah, Perak
Internship Placement :
Unit Aplikasi, IT@AMDI

INTERN TALK
Nur Anis Khaleeda
Bachelor Degree In Computer Science
UITM Tapah, Perak
Internship Placement :
Unit Aplikasi, IT@AMDI

BICARA PELAJAR LATIHAN INDUSTRI
NUR ASHLA HANIM BT MOHD NOR
Diploma Teknologi Makanan Penulihan
UITM Batu Pahat, Johor
Internship Placement :
Makmal Diagnostik Klinikal, PPUSMB,
USM

INTERN TALK
Siti Zulfa Shamsul Anuar
Diploma In Computer Science
UITM Aras, Perlis
Internship Placement :
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan (BPJ)
IPPT, USM

INTERN TALK
Nur Aqilah Nabila Sarizan
Diploma In Computer Science
UITM Arau, Perlis
Internship Placement :
Bahagian Penyelidikan dan Jaringan (BPJ)
IPPT, USM

Tahniah..



INSTITUT PERUBATAN & PERGIGIAN TERMAJU

<https://news.amdi.usm.my>

IPPT, USM, Bertam, 13200 Kepala Batas, Pulau Pinang.
